

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 158 ● 18 - 24 MAC 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

5,000 unit rumah transit untuk B40, M40

PERUMAHAN merupakan isu utama untuk warga kota terutama untuk golongan berpendapatan rendah B40 dan M40. Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membina lebih daripada 80 kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) melibatkan 61,806 unit, namun ia masih tidak dapat menangani masalah perumahan untuk warga kota.

Menyedari hakikat tersebut serta golongan yang tidak berkemampuan untuk membeli rumah, Kementerian Wilayah Persekutuan telah merancang untuk menyediakan 5,000 unit Residensi Majlis atau Council Home bagi membantu warga kota dalam kalangan golongan berpendapatan rendah bagi menyewa rumah. Tujuan utama pembangunan Residensi Majlis ini adalah bagi membantu golongan B40 sebagai transit sebelum mereka mampu memiliki rumah sendiri dengan kadar sewaan yang minimum dan munasabah berbanding dengan kadar sewaan semasa.

DBKL mempunyai 61,806 unit PA dan PPR dengan 37,582 unit disewa dengan kadar sewaan dari RM94 dan RM124 bergantung kepada keluasan manakala kira-kira 24,224 unit lagi telah dibeli oleh warga kota yang berkemampuan.

Oleh kerana unit PPR yang boleh ditawarkan amat terhad, bagi membantu warga kota dalam kalangan golongan berpendapatan rendah bagi menyewa rumah, DBKL sedang dalam proses membina sebanyak 5,000 buah rumah Residensi Majlis atau Council Home. Tujuan utama pembangunan Residensi Majlis ini adalah bagi membantu golongan B40 sebagai transit sebelum mereka mampu memiliki rumah sendiri.

LAGI BERITA DI MUKA 2



SHAHIDAN (tengah) melihat dengan lebih dekat model Council Home yang dibina oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.



Ramai culas bayar yuran penyelenggaraan PPR >> 4



Jom ke pantai air tawar Putrajaya >> 10 & 11

Festival Ramadan terbesar bertema Keluarga Malaysia

PUTRAJAYA bakal mencipta sejarah dengan menganjurkan Festival Ramadan terbesar hujung bulan ini selaras dengan pengumuman kerajaan Malaysia memasuki fasa endemik.

Dengan lebih 200 reraui (booth) dan jangkaan lebih 500,000 ribu pengunjung Festival Ramadan dengan tema Keluarga Malaysia itu dijangka menjadi tumpuan utama peniaga dan orang ramai merancakkan semula kegiatan ekonomi dengan membeli-belah kelengkapan perayaan.

Menurut Naib Presiden (Perkhidmatan Bandar), Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj), Nik Shukri Nik Soh, PPj sentiasa memandang serius untuk membantu golongan peniaga dalam pasca pandemik.

BERSAMBUNG DI MUKA 3



NIK SHUKRI



Kaji mendalam punca sebenar banjir kilat >> 15

Kemudahan baru setaraf pangsapuri khusus untuk golongan B40, M40

Atasi masalah kekurangan rumah

AZLAN ZAMBRY

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) merancang untuk membangunkan kira-kira 5,000 unit Residensi Majlis atau Council Home sebagai usaha untuk mengatasi masalah perumahan warga kota khususnya untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata pihak KWP dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengenal pasti lima tapak bagi tujuan tersebut.

"Sehingga Mac 2022, sebanyak lima tapak telah dikenal pasti untuk pembinaan Council Home iaitu di Sungai Udang di dalam Parlimen Segambut sebanyak 897 unit dengan keluasan 807 kaki persegi. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada April 2022," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi Penggulungan Perbaikan Titah Diraja bagi kementeriannya di Dewan Rakyat pada Selasa.

Jelasnya, pihaknya turut merancang pembangunan Council Home antaranya di Jalan Selimang, Cheras, sebanyak 702 unit berkeluasan 760 kaki persegi.

"Selain itu, di Desa Tasik anggaran 1,000 unit berkeluasan 800 kaki persegi, Bandar Baru Sentul sebanyak 168 unit berkeluasan 750 kaki persegi dan di Jalan Tasik Permaisuri sebanyak 204



SHAHIDAN (tengah) melawat projek Rumah Majlis di Sungai Udang, Segambut untuk melihat lebih dekat kemudahan yang ditawarkan. - Koleksi DBKL

unit berkeluasan 775 kaki persegi," katanya.

Berbeza dengan PA dan PPR, setiap unit Council Home berukuran 700 hingga 750 kaki persegi dan memiliki tiga bilik serta dua bilik air dan kadar sewaan di perumahan ini lebih tinggi berbanding di PA dan PPR namun ia masih rendah daripada harga pasaran.

DBKL sebelum ini mengakui menerima lebih 38,000 permohonan daripada warga kota terutama golongan miskin bandar untuk menduduki PPR dan PA selain berhadapan kesukaran mendapat unit kosong untuk ditawarkan kepada pemohon.

KWP sebelum ini telah meluluskan 102 projek Residensi Wilayah Keluarga Malaysia yang melibatkan kira-kira 62,836 di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 95 buah projek terletak di Kuala Lumpur, tiga di Putrajaya dan empat di Labuan.

KWP turut menetapkan sasaran untuk menyediakan sebanyak 80,000 unit Residensi Wilayah Keluarga Malaysia dalam tempoh 10 tahun sehingga 2028 dengan sasaran 8,000 unit setahun.

Sementara itu, Shahidan berkata, DBKL sentiasa menjalankan



SETIAP unit rumah dilengkapi dengan kabinet dapur bagi memudahkan pasangan muda memulakan kehidupan di bandar raya dengan kos sewaan yang rendah.

program bantuan dan pemutihan serta meminta para penyewa untuk mengemas kini maklumat pendapatan masing-masing dari semasa ke semasa.

Jelasnya, tindakan tersebut bertujuan bagi memberi peluang kepada warga kota yang layak menduduki PPR dan PA.

"DBKL juga sedang menjalankan program lanjutan tempoh penyewaan PA dan PPR dimana kelulusan pelanjutan tempoh penyewaan adalah tertakluk juga kepada maklumat pendapatan yang diberikan oleh para penyewa tersebut.

"Bagaimanapun sekiranya

mereka tidak mengisyiharkan sebarang peningkatan pendapatan, adalah tidak wajar DBKL meminta mereka mengosongkan unit yang mereka diam," katanya.

Ujar Shahidan, bagi tindakan pemutihan pula, DBKL sering menjalankan tindakan dengan mengeluarkan notis kepada penyewa-penyewa yang didapati melakukan pelanggaran syarat-syarat seperti tidak mene-tap, kesalahan jenayah atau dadah, menyewakan unit kepada pihak ketiga termasuk warga negara asing dan penyewa berkahwin dengan warga negara asing. **WK**

Sistem baharu parkir kereta di ibu kota bakal dilancarkan DBKL

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menjalankan kajian terhadap sistem tempat letak kereta pintar menerusi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai usaha menaik taraf kemudahan itu di ibu negara.

Timbalan Wilayah Persekutuan, Datuk Jalaluddin Alias berkata sistem berteraskan teknologi digital itu bakal diaplikasikan di

60,000 tempat letak kereta bahu jalan milik DBKL di ibu kota.

"Semua petak tempat letak kereta ini memerlukan sistem teknologi yang seragam, teratur dan berpusat sekali gus memudahkan pengguna terutamanya dalam soal masa dan bayaran.

Sistem ini akan membantu mengatasi pelbagai masalah parkir selain dapat mengatasi soal ketirisan pendapatan DBKL

apabila ia diperkenalkan kelak," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari ICT DBKL 2022 sempena sambutan Jubli Emas DBKL 2022, di sini, pada Rabu.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek, Datuk Azmi Abdul Hamid dan Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Datuk Sulaiman Mohamad.

Beliau berkata, DBKL perlu dinamik dan produktif dalam menguruskan isu perbandaran dengan memperkasakan penyampaian perkhidmatan terutamanya yang berteraskan teknologi digital.

"Kita sedar bahawa tenaga penguat kuasa tidak mencukupi untuk meronda setiap kawasan tempat letak kereta apabila pengguna meletakkan kenderaan lebih masa.

"Seterusnya, sistem yang bakal diperkenalkan ini akan dapat mengelakkkan masalah tersebut susulan pengguna menyalah guna dengan meletak kenderaan sudah tidak digunakan pakai," katanya.

Program Hari ICT DBKL 2022 berlangsung selama tiga hari bermula semalam bertemakan 'Smart City Towards Green Technology and Revolution' yang meletakkan fokus utama kepada manusia,

proses, teknologi dan data. Antara program dan aktiviti menarik yang diadakan adalah pertandingan Hackathon dan e-Sport Games, booth pamer-

an seperti Touch N Go, Celcom, Telekom Malaysia, Huawei, Mimos dan Tenaga Nasional Berhad serta program berbentuk ilmiah seperti ICT Talk. **WK**



JALALUDDIN (tengah) mendengar penerangan mengenai produk ICT yang dipamerkan.

COUNCIL HOME UNTUK DISEWAKAN MURAH

1 Pangapuri Plaza 393, Jalan Peel, Cheras
2 Unit Kediaman

2 Menara City One, Jalan Munshi Abdullah
3 Unit Kediaman

3 Teratak Muhibbah 2, Taman Danau Desa, Jalan Klang Lama
1 Unit Kediaman

IMBAS QR CODE UNTUK MOHON

TARIKH TUTUP PERNIAGAAN: 28 MAC 2022

www.kwsp.gov.my | Komuniti dan Wilayah Persekutuan | Kewajipan | Kewajipan

Perkenal Lintasan *Fries McDonald's* di Bukit Bintang

KWP galak perindah laluan pejalan kaki

AZLAN ZAMBRY

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) menggalakkan mana-mana syarikat korporat yang beroperasi di ibu kota untuk memperindahkan laluan pejalan kaki di hadapan premis mereka bagi memperkenalkan identiti perusahaan mereka.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, pendekatan baharu itu boleh menceria kawasan tersebut dan boleh dijadikan tarikan kepada pengunjung.

"Mana-mana syarikat boleh memperindahkan laluan pejalan kaki di hadapan premis bagi tujuan memperkenalkan perniagaan mereka dan tiada halangan bagi tujuan itu."

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan bekerjasama bagi membolehkan ia dilakukan dengan peraturan-peraturan tertentu yang dibenarkan," katanya dalam sidang media selepas mer-



SHAHIDAN (tengah) melancarkan Lintasan Pejalan Kaki *Fries McDonald's* di Bukit Bintang yang merupakan tarikan baharu di kawasan itu.

asmikan Lintasan Pejalan Kaki *Fries McDonald's* di Bukit Bintang di sini pada Selasa.

Hadir sama, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Datuk Bandar

Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Pengarah Urusan McDonald's Malaysia, Datuk Azmir Jaafar.

Beliau berkata, pihaknya akan menjalankan kerjasama lebih erat dengan mana-mana pihak yang mempunyai inisiatif dalam memperindahkan kawasan-kawasan di Kuala Lumpur.

LAGI BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 12

"Kementerian menganggap McDonald's sebagai rakan strategik kepada DBKL yang melaksanakan pendekatan tersendiri untuk menghiasi jalan di tengah ibu kota.

"Kita lihat lintasan pejalan kaki *Fries McDonald's* ini merupakan tarikan baharu pelancong dan ia akan menjadi tempat tumpuan untuk pengguna media sosial mengambil gambar," katanya.

Menurut Shahidan, inisiatif memperindah dan menambah nilai lintasan pejalan kaki ini adalah satu

pembangunan fizikal yang sangat bertepatan dengan hasrat menjadikan Kuala Lumpur 'bandar raya sejahtera menjelang 2030'.

"Cetusan idea bersama ini memberi banyak manfaat dan wajar dibanggakan. Besar harapan saya agar lebih banyak pihak tampil ke hadapan bagi menyokong ke menterian dalam meningkatkan program-program pembangunan fizikal, sosioekonomi dan perkhidmatan perbandaran, di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan," katanya.

Tambahnya, beliau turut berharap agar lintasan pejalan kaki *Fries McDonald's* ini akan menjadi satu lagi lokasi wajib singgah terutama bagi mereka yang pertama kali berkunjung ke Kuala Lumpur.

"Silalah juga merakam gambar kenangan di sekitar Bukit Bintang, tambahan pula sudah ada 'props' baharu untuk menjadikan gambar anda lebih 'instaworthy'. Biar dunia tahu betapa 'awesome' nya bandar raya kita ini," katanya. WK

Peluang keemasan bagi usahawan jana pendapatan pasca pandemik

DARI MUKA DEPAN

AINI MAWAWI

FESTIVAL Ramadan Putrajaya 2022 (FRP 2022) akan menjadi landasan utama Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam membantu merancakkan kembali ekonomi komuniti Putrajaya selepas pandemik COVID-19.

Menurut Naib Presiden (Perkhidmatan Bandar), Jabatan Perkhidmatan Bandar, PPj, **Nik Shukri Nik Soh**, PPj sentiasa memandang serius untuk membantu golongan peniaga dalam pasca pandemik.

"Sebagai sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), kita peka dengan keadaan semasa dan mencuba sebaik sahaja untuk memastikan ekonomi penduduk Putrajaya khasnya kembali stabil."

"Semua sedia maklum apabila berlakunya pandemik maka semua golongan akan terjejas teruk dari segi aktiviti perniagaan dan sebagainya. Maka FRP 2022 adalah merupakan peluang keemasan kepada peniaga," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Mendukung konsep Aspirasi Keluarga Malaysia cetusan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Nik Shukri berkata sempena bulan Ramadan PPj sentiasa bersama agensi lain di Putrajaya memastikan para usahawan dapat menjual produk mereka.

"Kita juga menyokong



NIK Shukri (tengah) menunjukkan lokasi tapak FRP 2022.

agensi dan kementerian untuk menganjurkan aktiviti di Putrajaya sebagai contoh jualan Keluarga Malaysia yang dianjurkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNEP).

"Ia tertumpu kepada jualan bahan mentah untuk mengurangkan kos yang dijangka naik apabila masuk bulan Ramadan. Dengan adanya jualan ini maka peniaga boleh mendapatkan harga barang mentah seperti telur, ayam dan sebagainya pada harga yang berpatutan," ujar beliau.

Mengulas lanjut aktiviti PPj dalam bulan Ramadan akan datang, Nik Shukri berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan

pusat membeli belah terkemuka dalam membantu golongan tidak berkemampuan membuat persemaian hari raya.

"Kita juga ada program membawa anak-anak yatim ke Putrajaya yang mana mereka turut diberi kupon untuk membeli persiapan raya seperti baju dan di samping itu kita juga akan menghulurkan bantuan kepada golongan asnaf dan ibu tunggal," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, bagi mengimarahkan bulan yang mulia itu, PPj juga akan bekerjasama dengan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dengan menyediakan 500 pek juadah berbuka puasa dan moreh setiap hari sepanjang bulan puasa. WK

Festival Ramadan kembali bantu rancakkan ekonomi

DIANA AMIR

BERTEPATAN slogan Aspirasi Keluarga Malaysia, Festival Ramadan Putrajaya (FRP 2022) 2022 bakal diadakan bagi para usahawan tempatan dan merancakkan semula ekonomi setempat.

Menurut jurucakap pengajur, **Ameera Nadia Mohd Shafiee** sempena pengumuman kerajaan berkaitan Fasa Peralihan Endemik bermula 1 April ini, mereka diberi kepercayaan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk menganjurkan FRP 2022 kali ini.



AMEERA NADIA

"Penganjuran festival jualan terbesar di Putrajaya akan melibatkan lebih 200 reruai (booth) produk kelengkapan raya melalui pembabitan golongan usahawan dan juga orang ramai."

"Para usahawan tempatan boleh menjual produk mereka dan dalam masa yang membolehkan orang ramai membeli barang keperluan raya dengan harga berpatutan," katanya dalam satu kenyataan media.

Ameera berkata terdapat tiga lokasi Festival Ramadan kali ini iaitu Anjung Syawal yang terletak berhadapan Mahkamah Kehakiman Putrajaya, Laman Iftar dan Kiblat Walk.

"Di Anjung Syawal terdapat 200 booth menjual pelbagai produk kelengkapan dan persiapan Hari Raya, termasuklah

Pakaian Raya, Pakaian Kanak-Kanak, Kudapan dan Kuih Raya, Kosmetik dan Aksesori Raya serta bermacam lagi.

"Manakala di 28 booth di Laman Iftar dan Kiblat Walk menjual minuman dan makanan bermasak," tambahnya FRP akan diadakan bermula 31 Mac ini sehingga 3 Mei 2022 dari pukul 10 pagi hingga 12 malam setiap hari.

Tambahnya pihak pengajur menawarkan insentif-insentif menarik kepada peniaga yang mahu mengambil bahagian dalam festival kali ini bersempena pengajuran jualan raya terbesar kali pertama selepas dua tahun.

"Kami menjemput para usahawan di Putrajaya dan kawasan sekitar untuk bersama-sama menyertai Festival Ramadan Putrajaya 2022 ini dengan menghubungi urus setia di talian 012-350-5861."

"Selain itu, antara aktiviti yang turut diadakan ialah sesi berbuka puasa dengan beberapa rumah kebajikan dan rumah anak-anak yatim bersempena Festival Ramadan kali ini pengajurannya akan dimeriahkan lagi dengan kehadiran selebriti dan artis tanah air," ujarnya.

Jelas beliau pihaknya juga akan menjemput tokoh-tokoh agama di Wilayah Persekutuan untuk memberikan ceramah dan tazkirah pada hari-hari terpilih. WK

Harta benda bakal di sita

Ramai culas bayar yuran penyelenggaraan PPR

AZLAN ZAMBRY

WARGA Kuala Lumpur yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang culas membayar yuran penyelenggaraan dinasihatkan supaya menjelaskan yuran tersebut kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) atau bakal dikenakan tindakan termasuk menyita harta benda.

Empat penduduk yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Baru Air Panas di Setapak, telah berhutang ribuan ringgit kepada JMB mereka setelah enggan membayar yuran penyelenggaraan berdepan tindakan undang-undang apabila pihak berkuasa tempatan, melalui Pesuruhjaya Bangunan (COB), telah mendapatkan penghakiman saman penghutang untuk mengutip tunggakan yuran penyelenggaraan yang belum dibayar beberapa tahun.

Jurucakap DBKL berkata, menyedari pentingnya kutipan caj penyenggaraan, ejen pengurusan iaitu Tetuan Azmi & Co (Bangi) Sdn Bhd yang dilantik di PPR Kampung Baru Air Panas dengan kerjasama COBKL telah menjalankan tindakan penguatkuasaan melalui saman di Mahkamah dan sitaan harta alih oleh pihak Mahkamah ke atas empat pemilik petak yang mempunyai tunggakan caj penyenggaraan yang tinggi.

“Keengganan pemilik petak memberi kerjasama untuk menjelaskan caj penyenggaraan menyebabkan kerja-kerja penyenggaraan dan pengurusan tidak dapat dijalankan dengan baik.

“Kekurangan sumber kewangan boleh menjelaskan perancangan dan perlaksanaan kerja-kerja penyenggaraan dan pengurusan seperti pembersihan, pembayaran bil utiliti, pembakaian kerosakan, dan penyenggaraan lif,” katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Jurucakap itu berkata, penguatkuasaan akan dijalankan di bawah Seksyen 86 Akta Pengurusan Strata 2013, dan ditujukan kepada pemilik yang menduduki PPR dan didapati tidak menjelaskan bayaan penyelenggaraan seperti yang ditetapkan.

“Semakin sukar untuk menyelenggara dan mengurus harta tanah jika orang ramai tidak membayar yuran penyelenggaraan mereka, dan ada orang yang telah membeli unit itu sejak hari pertama tetapi tidak membayar satu sen pun dalam yuran penyelenggaraan.

“Yuran penyelenggaraan kurang daripada RM100 sebulan, namun orang ramai penduduk masih tetap culas membayar yuran penyelenggaraan itu se-



RATA-RATA pemilik petak mengambil mudah berkenaan caj penyenggaraan kerana merasakan tiada tindakan tegas akan diambil oleh pihak berkuasa.

| BIL. | TINDAKAN | TARIKH | TUNGGAKAN | STATUS |
|------|--------------------------|------------|--------------|---|
| 1. | Judgement Debtor Summons | 1/12/2021 | RM 8,688.05 | Mahkamah perintah penghutang bayar ansuran sebanyak RM500 sebulan mulai Januari 2022. Jika gagal/ingkar, penghutang akan diperintah untuk penjara. |
| 2. | Sitaan Harta Alih : 1 | 8/12/2021 | RM 15,142.35 | Penghutang membuat bayaran keseluruhan tunggakan sehari sebelum sitaan dijalankan. |
| 3. | Sitaan Harta Alih : 2 | 13/12/2021 | RM 10,679.02 | Penghutang telah membuat bayaran kepada pihak peguam sebelum tamat tempoh 14 hari sebanyak RM 7,679. Baki dari jumlah tuntutan penghutang telah memohon bantuan dari pihak berkaitan. |
| 4. | Sitaan Harta Alih : 3 | 23/2/2022 | RM 9,263.36 | Penghutang diberi tempoh 14 hari untuk menyelesaikan semua tunggakan. Inventori barang telah direkod sebagai persediaan proses lelongan. |

kali gus menyebabkan masalah berlaku,” katanya.

Jurucakap itu turut menjelaskan bahawa terdapat seorang pemilik petak yang telah berhutang lebih RM15,000 dengan pihak JMB.

“Apabila COB hendak menguatkuasaan undang-undang dan mengambil tindakan, pemilik tersebut bersetuju untuk menjelaskan bayaran tersebut sehari sebelum tindakan diambil.

“Ada juga kes lain yang melibatkan pemilik petak berhutang kira-kira RM8,688, dan bersetuju untuk menjelaskan melalui ansuran bulanan RM500 selepas menerima saman penghutang penghakiman.

“Ini menunjukkan bahawa mereka mampu membayar, namun mereka enggan berbuat demikian kerana merasakan tiada tindakan yang diambil,” katanya.

Sementara itu, DBKL berkata, pihaknya akan melaksanakan penguatkuasaan terhadap 30 lagi harta tanah berstrata miliknya yang berada dalam keadaan tidak memuaskan berikutnya pemilik unit tidak membayar yuran penyelenggaraan.

“Banyak PPR tidak mempunyai JMB yang tegas, justeru kutipan penyelenggaraan tidak memuaskan dan kemudahan di sana seperti lif sentiasa rosak.

“Ini tidak adil kepada pemilik yang membayar dan juga kepada DBKL,” katanya. WK



Waspadai perubahan monsun

MENGHARAP panas sampai ke petang, rupanya hujan di tengahari. Namun pada musim peralihan monsun kini, bermula 14 Mac dan dijangka berterusan sehingga pertengahan Mei, hujan memang melanda bila-bila masa.

Hujan bukan sahaja di tengahari. Apabila awan mendung pekat menghitam, biasanya hujan sudah pasti, tanpa mengira waktu. Boleh jadi di waktu pagi, tengahari, petang, malam atau lewat malam dan awal pagi.

Di ibu negara sendiri, keadaan ini sudah disaksikan sejak beberapa minggu ini. Hujan mencurah tanpa mengira ketika. Sekejap hujan, sekejap reda. Ada pula yang berterusan walaupun gerimis. Hujan gerimis inilah yang biasanya lambat berhenti.

Hujan kebelakangan ini menyebabkan banjir kilat melanda banyak kawasan di ibu negara, termasuk di jalan-jalan utama, menyebabkan ramai pemandu terperangkap. Sistem pengaliran air tidak dapat berfungsi sepantas air yang melimpah.

Limpahan air yang banyak juga menyebabkan bumi tidak dapat menyerap dengan cepat. Kemampuan sistem takungan tidak dapat menampung jumlah atau volume pengaliran air yang banyak.

Akibatnya, beberapa kawasan di ibu kota dilanda banjir kilat. Harta benda seperti kenderaan, banyak rosak ditenggelami air. Ini belum mengira pergerakan lalu lintas yang tergendala menyebabkan kesesakan teruk.

Di kawasan kejiranan Kuala Lumpur iaitu di Ampang, Selangor, berlaku runtuhan tanah menyebabkan rumah-rumah kediaman musnah. Empat orang terkorban dalam insiden ini.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), fasa perubahan monsun yang berlaku sekarang menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut yang bermula sejak 3 November 2021.

Ketika fasa peralihan monsun ini, negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah. Situasi ini menyebabkan kejadian ribut petir yang biasanya menyebabkan hujan lebat serta angin kencang dalam masa singkat.

Ini biasanya berlaku pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan di negeri-negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah serta barat dan tengah Sarawak. Cuaca sebegini berpotensi menyebabkan banjir kilat serta kerosakan pada struktur yang tidak kukuh.

Justeru dalam suasana peralihan monsun yang agak lama ini, kawan-kawan Kedai Kopi berharap warga Wilayah Persekutuan khususnya, dan di negeri-negeri lain juga, agar sentiasa berhati-hati untuk mengelakkan daripada menempuh kesusahan.

Seperti dinasihat oleh MET Malaysia, orang ramai perlu berwaspada ketika tempoh ini serta sentiasa peka dengan ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh MET Malaysia.

Ramalan ini boleh diikuti melalui laman web rasmi, aplikasi mobil myCuaca dan media sosial rasmi MET Malaysia. Jika ada pertanyaan lanjut, boleh hubungi Hotline Jabatan melalui nombor 1-300-22-1638.

Pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, jika tidak ada urusan penting, orang ramai tidaklah perlu keluar rumah dalam cuaca tidak menentu ini, ditambah dengan kes jangkitan COVID-19 yang masih tinggi di sekitar tempat.

Kawan-kawan Kedai Kopi pun sama-sama setuju mengurangkan bersantai ke kedai kopitiam, bersempang dan bergosip, kerana cuaca yang tidak memberangsangkan sekarang. Teruk pula nanti kalau sampai terperangkap dalam hujan petir.

Sehubungan itu diharap orang ramai sentiasa bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan. Yang penting hendaklah patuh kepada arahan pihak berkuasa jika keadaan memerlukan. Jangan degil atau pandai-pandai membuat keputusan sendiri yang boleh memakan diri.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosnidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com

Sabrina Sabre

sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annur
affandywilayahku@gmail.com

Fauzi Taib

adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwkvt@gmail.com
Nooreeza Hashim
nooreezahashimwilayahku@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my



FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA 2022

Karnival Jualan Raya **TERBESAR** Di Putrajaya



Pelbagai
aktiviti menarik
menanti anda

Lebih Dari 200 Gerai Jualan Untuk Dikunjungi

Iftar Amal Bersama Rumah Kebajikan

Lelongan Amal Selebriti

Cabutan Bertuah Dan Banyak Lagi

#FestivalRamadanPutrajaya2022

#FRP2022



**SEWAAN
TAPAK NIAGA
SUDAH DIBUKA!**

**DATARAN PUTRAJAYA,
PRESINT 3**

**31 MAC 2022 ➤ 3 MEI 2022
10 Pagi Hingga 12 Malam**

Untuk sebarang pertanyaan
dan penyertaan, sila hubungi:
012-350 5861 (Pn. Ameera)



Festival Ramadan Putrajaya 2022



Festival_rputrajaya2022



@2022_FPutrajaya



www.festivalramadanputrajaya.com





KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

SULTAN Selangor, Sultan Alauddin Sulaiman Syah Raja Muda Musa (Sultan Sulaiman) berpandangan jauh apabila menganugerahkan tanah seluas 222 ekar di Kuala Lumpur kepada orang Melayu pada 1899.

Tindakan itu ternyata memberi sumbangan sosial untuk mengimbangi peratusan penduduk Melayu di bandar raya ini.

Tanah bertuah bernama Kampung Baru itu kini menjadi satu-satunya petempatan Melayu terbesar di tengah Kuala Lumpur.

Bukan itu sahaja tetapi menjadi faktor mengimbangi peratusan Melayu dengan kaum lain terutama Cina.

Peratus Melayu di tengah Kuala Lumpur sangat penting. Ketidakseimbangan boleh menjadi punca keretakan dan ketegangan sosial antara kaum.

Dalam Kampung Baru ada tujuh kampung kecil iaitu Kampung Hujung Pasir, Kampung Periuk, Kampung Masjid, Kampung Pindah, Kampung Paya, Kampung Atas A dan Kampung Atas B. Melihat semua kampung ini, mata jerung pelahap pasti terbeliak kerana nilainya setaraf emas.

Tanpa tindakan Sultan Selangor, penjajah British tentu menyingkirkan orang Melayu ke pinggir Kuala Lumpur.

Memanglah mengikut naratif sejarah oleh British, mereka lah yang menyediakan petempatan orang Melayu di Kampung Baru.

Hal ini sangat bertentangan dengan banyak kajian sejarah yang mendedahkan sikap berat sebelah British terhadap pelombong Cina yang diketuai oleh Yap Ah Loy.

Dikelilingi bangunan pencakar awan kawasan segi tiga emas yang nilai hartaannya sudah seperti emas. Terlalu tinggi. Keadaan ini dengan sendirinya menjadikan Kampung Melayu sangat bernilai dari sudut komersial.

Perkampungan awal orang Melayu di Kuala Lumpur itu kini menjadi seperti sebuah pulau yang masih banyak rumah tradisi Melayu – setidak-tidaknya pada seni bina bumbung.

Pulau di tengah-tengah pembangunan fizikal itu selalu diintai dengan cadangan-cadangan untuk ‘memajukan’. Hakikatnya disebabkan nilai hartaan yang tinggi dan memberi keuntungan kepada pemaju.

Kawasan di sekeliling

Kampung Baru dan Melayu di KL



BERADA di Kampung Baru seolah-olah kembali ke rumah sendiri di kampung halaman.

Kampung Baru menjadi tanda aras pembangunan fizikal Kuala Lumpur. Kampung Baru juga tidak jauh dengan KLCC yang pernah menjadi menara tertinggi di dunia.

Dari restoran berputar Menara Kuala Lumpur yang ketinggian hampir satu kilometer dari paras laut pula memberikan pemandangan Kampung Baru dari udara.

Dari Menara Kuala Lumpur juga Kampung Baru seolah-olah di pagar bangunan pencakar awan. Maknanya tidak ada siapa yang boleh menceroboh atau mengambil Kampung Baru daripada waris keluarga Melayu di situ.

Itu pemandangan yang unik, cuma yang oportunitis sahaja membina persepsi Kampung Baru ‘mencacatkan’ pemandang.

Berada di Kampung Baru seolah-olah kembali ke rumah sendiri di kampung halaman. Berdinding papan dan beratap zink dengan seni bina bumbung Melayu tradisi yang unik.

Masih ada bunyi kokokan ayam yang sangat nostalgik bagi perantau di Kuala Lumpur.

Secara tiba-tiba terasa selamat daripada rempuhan budaya rakus Kuala Lumpur yang menjengah era modenisasi.

Isu ‘memajukan’ Kampung Baru tidak pernah sunyi sejak saya berada di Kuala Lumpur tahun 1984.

Sentiasa ada isu yang dibangkitkan seolah-olah

Kampung Baru yang merencangkan pembangunan Kuala Lumpur seluruhnya.

Membangunkan Kampung Baru tidak sahaja mengubah fizikal, tetapi keberadaan orang Melayu sebagai pemilik hartaan.

Oleh hal yang demikian, semua yang berkaitan Kampung Baru tidak harus dilakukan secara melulu.

Banyak pertimbangan yang mesti diambil kira. Kampung Baru tidak boleh diukur dengan nilai hartaan kawasan di sekitar semata-mata.

Kampung Baru melampaui hal-hal yang berkaitan pampasan sekali-pun ada yang sanggup membayar dengan nilai yang tinggi.

Maknanya jangan sama sekali terpancing atau memancing dengan pampasan yang tinggi. Tujuan asal Sultan Selangor menganugerah Kampung Baru kepada orang Melayu perlu difahami terutama dalam kalangan pemimpin dan membuat dasar. Faham betul-betul tujuan Sultan Selangor berbuat demikian.

Sultan Selangor berpandangan jauh tentang masa depan orang Melayu di Kuala Lumpur, bukan sahaja ketika itu, malah berabad ke depan.

Walaupun sejak 1 Februari 1974 Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan, tetapi hasrat Sultan Selangor perlu dipertahankan oleh membuat

“ Dari Menara Kuala Lumpur juga Kampung Baru seolah-olah dipagar bangunan pencakar awan. Maknanya tidak ada siapa yang boleh menceroboh atau mengambil Kampung Baru daripada waris keluarga Melayu di situ.

dasar.

Kalau tidak ada Kampung Baru dengan sekatan-sekatan tertentu misalnya tidak boleh dipindah milik kepada bukan Melayu, orang Melayu sudah tidak ada tanah di pusat bandar.

Dengan nilai hartaan yang melambung macam belon, orang Melayu secara tidak sedar tertolak ke pinggir bandar raya. Menyanyi lagu Anak Kecil Bermain Api pun sudah tidak berguna lagi.

Lihatlah yang berlaku di kampung settingan Melayu, Kampung Kerinch. Kampung Melayu ini dibangunkan kerana banyak si mata duitan yang pelahap menggunakan alasan ‘pembangunan’.

Kesannya orang Melayu yang lama mendiami kampung itu hilang entah di mana. Bukan sahaja waris orang Melayu di situ hilang, nama Kampung Kerinch pun dipadam.

Kampung Kerinch satu contoh klasik hilangnya sebuah kampung Melayu di tengah Kuala Lumpur apabila pertimbangan menjuruskannya pada keuntungan kebendaan.

Berapa kerat sahaja penduduk asal Kampung Kerinch mempunyai hartaan mewah di Bangsar South.

Setiap pembangunan di Kuala Lumpur perlu mengekalkan penduduk asal kawasan berkenaan. Apa salahnya di Kampung Kerinch dibangunkan rumah mampu milik yang teratur dan selesa kepada setiap penduduk asal?

Penduduk asal

mesti dikekalkan dan selebihnya atas budi bicara pembuat dasar mungkin dibolehkan projek yang bersifat mewah.

Jangan melihat settingan Kampung Kerinch tidak ada hak di sudut undang-undang dan boleh diperlakukan sesuka hati oleh pemaju.

Sepatutnya tidak diberikan pampasan, tetapi kediaman yang selesa di kawasan asalnya.

Inilah cara menaikkan taraf hidup masyarakat settingan, bukan memindahkan mereka ke kawasan lain.

Saya sangat percaya kalau tidak ada sekatan-sekatan tertentu, Kampung Baru sudah menjadi seperti Bukit Bintang dan sekitarnya.

Tetapi kini Kampung Baru masih terpelihara sebagai pengimbang keberadaan Melayu di pusat bandar raya. Daripada sudut sosiopolitik, komposisi kaum bagi bandar raya seperti Kuala Lumpur sangat penting dan tidak boleh dikompromi.

Hal-hal seperti ini tidak berlaku secara semula jadi. Ini mestilah dibentuk dan dirancang oleh pembuat dasar.

Dianggarkan lebih 20,000 orang yang mendiami di 4,000 kediaman. Pembuat dasar harus berhati-hati berdepan dengan segala jerung yang pelahap untuk ‘membangunkan’ Kampung Baru.

Berhati-hatilah, sekali tersilap langkah Kampung Baru dan Melayu akan hilang di Kuala Lumpur.

Tidak mustahil bertukar menjadi New Village selepas Kampung Kerinch menjadi Bangsar South. Nama yang bercirikan tempatan tidak bernilai komersial di Kuala Lumpur.

Maka ambillah iktibar daripada Sultan Sulaiman, lebih seabad jasa dan pandangan jauhnya sentiasa dikenang.



AKU MINUM KOPI HUJAN BERCPUPING TEROMPET DI KOTA

batang rokok tepi bibir
meludah jalan banjir
kopi nampak cair
surat kabar mimbar fikir
cemas bergilir-gilir
ruang nafas kutercicir
tanpa mentari zikir
ada panas dalam cangkir
lunak hatiku tidak disingkir
bukan jadi penyihir
anggap aku sudah di petir
bekas cawanku ikut mengalir

Gabriel Kimjuan
Taman Mutiara, Labuan.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Gelandangan bangunlah! Usah terus derita

RAJIN dan usaha tangga kejayaan. Jika tidak dipecah ruyung di mana kan dapat sagunya. Inilah kata-kata hikmat yang sentiasa menjadi pegangan dan dorongan kepada mereka yang ingin berjaya memperbaiki kehidupan, daripada derita kepada bahagia.

Kisah seorang gelandangan wanita yang gigih berusaha untuk bangkit daripada keperitan dan kesengsaraan hidup sangat menyentuh hati Adi. Dia membuktikan rajin dan berani serta tabah menempuh cabaran, juga mempunyai komitmen tinggi, mampu mengubah hidup membuat segala derita.

Memetik laporan Berita Harian baru-baru ini, wanita tersebut, Sharifah Nurul Syahida Syed Abdul Rahman, 37, yang pernah melalui kehidupan sengsara di Lorong Chow Kit, Kuala Lumpur, tekad bangkit keluar dari kegelapan hidup.

Dia tidak rela terus derita, tetapi membuka mata untuk tidak berpaling ke belakang. Dia terus positif memandang ke hadapan untuk memperbaiki diri demi manjalani kehidupan lebih selesa dan sempurna.

Adi bangga mengikuti kisah bagaimana Nurul Syahida berjaya mengubah diri daripada pencuci pinggan di kedai makan, kepada pengusaha ikan pekasam berjaya. Pasarannya bukan sahaja di dalam negeri tetapi menjangkau ke Singapura dan Australia. Dalam usaha ini, dia mendapat sokongan dan bantuan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Nurul Syahida berhijrah dari kampungnya di Taiping ke Kuala Lumpur dengan harapan memperbaiki diri di ibu kota. Dia mahu meraih pendapatan lebih baik untuk membantu keluarga di Kamunting.

Namun kebahagiaan yang diharap tidak menjelma. Kehidupan yang dilalui begitu sukar hingga pernah merempat di tepi longkang serta mengharap simpati orang ramai untuk makan dan minum.

Akhirnya dia memutuskan kembali ke kampung. Menggunakan modal hasil kerjanya di ibu negara, dia bermula di tepi jalan menjual makanan dan minuman. Di samping itu dia berulang ke Kuala Lumpur menaiki bas mendapatkan bekalan barang seperti beg, alat solek dan pelbagai lagi untuk dijual di Taiping. Inilah usahanya mengembangkan perniagaan.

Corak hidupnya berubah ke arah lebih baik apabila dipertemukan dengan seorang Sahabat AIM dan menyertai program AIM. Memang AIM sedia membantu golongan miskin mengusahakan kegiatan ekonomi dengan penyeliaan rapi.

Dengan bantuan modal



GELANDANGAN perlu belajar berdikari kerana tidak selama-lamanya akan tinggal di pusat transit.

permulaan daripada AIM, dia mengusahakan perniagaan pekasam selain meneruskan perniagaan yang sudah ada. Untuk mendalami ilmu membuat ikan pekasam, Nurul Syahida sanggup belajar hingga ke Lenggong dan Grik.

Jualan pekasamnya pernah mencecah dua tan sebulan sewaktu Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) dahulu. Dia juga memiliki kilang dan mampu menggaji lapan pekerja serta mempunyai stokis. Untuk meningkatkan pasaran, dia mempelbagai hasil pekasamnya. Antaranya pekasam telur, daging dan perut lembu.

Penat lelah berusaha memberikan pulangan yang lumayan untuk Nurul Syahidah sehingga perniagaannya semakin berkembang. Dia juga mengusahakan perniagaan katering dan restoran.

Kisah Nurul Syahida ini Adi petik dan kongsikan di ruangan ini dengan harapan akan menjadi pembakar semangat kepada gelandangan untuk berusaha memperbaiki diri hingga jaya. Dia bukan sahaja bangkit daripada penderitaan tetapi berjaya dalam perniagaan

dan memberi pekerjaan kepada orang lain.

Anggaplah ini satu cabaran kepada gelandangan untuk menyedarkan diri bahawa kejayaan dan kebahagiaan boleh diraih berkat usaha dan ikhtiar, tidak hanya menyerahkan diri kepada takdir dan mengharap belas kasihan orang sepanjang masa.

Gelandangan di Kuala Lumpur khususnya adalah kelompok yang sangat bertuah kerana nasib mereka sentiasa dibela oleh pihak berkuasa yang sentiasa prihatin dengan kesusahan dihadapi.

Mereka yang berkeliaran di seluruh pelusuk ibu kota tanpa tujuan, tanpa wang dan makanan, disediakan pusat transit khas, misalnya di Bulatan Pahang, untuk berlindung daripada panas dan hujan. Perlindungan diberi, makan minum juga disediakan.

Namun sesuai namanya, pusat transit bukan pusat kekal. Gelandangan perlu belajar berdikari kerana tidak selama-lamanya akan tinggal di pusat transit. Pusat ini hanya sementara sehingga mereka mampu hidup sendiri. Selepas

“Anggaplah ini satu cabaran kepada gelandangan untuk menyedarkan diri bahawa kejayaan dan kebahagiaan boleh diraih berkat usaha dan ikhtiar, tidak hanya menyerahkan diri kepada takdir dan mengharap belas kasihan orang sepanjang masa.”

itu kelompok baru pula datang.

Selain di Bulatan Pahang, juga terdapat lagi pusat transit dikenali sebagai Anjung Kelana yang mana merupakan program berkembar, memberi perlindungan dan pekerjaan. Gelandangan terpilih akan melalui saringan bagi menilai tahap keupayaan mental, fizikal dan produktif untuk diberi pekerjaan sesuai.

Jelas pihak berkuasa tidak membiarkan gelandangan terkial-kial bersendirian untuk memperbaiki diri. Kerana itu mereka disediakan dengan latihan atas bermula untuk menjadikan bidang tersebut sumber rezeki. Tidak mengapa jika pada peringkat awal hanya bermula kecil-kecil. Setelah benar-benar mahir dengan selok bermula bolehlah membesarakan perniagaan.

Jika pun tidak meneruskan perniagaan di Kuala Lumpur, latihan yang diterima boleh dimanfaatkan untuk bermula di mana jua, termasuk di kampung halaman sendiri. Tentu sahaja gelandangan ini ada kaum keluarga masing-masing. Bawalah bekalan ilmu itu balik untuk diperlakukan dan buktikan kepada keluarga diri sudah berubah.

Selain bermula, gelandangan juga diajar bertani melalui pertanian bandar. Terasnya ialah ‘pertanian ialah perniagaan’.

Melalui tanaman seperti jagung dan sayur-sayuran, hasil pertanian dipasarkan untuk beroleh pendapatan, di samping memberi pekerjaan.

Contohnya gelandangan yang mengusahakan Projek Pertanian Bandar di Kampung Seri Malaysia, Bandar Tun Razak, juga di Anjung Kelana.

Yang terlibat dengan gejala dadah tidak diabaikan begitu sahaja. Mereka

dihantar ke pusat pemulih. Setelah berjaya membuang tabiat buruk itu mereka diberi latihan bermula dan bertani untuk memulakan kehidupan baharu dengan harapan mereka tidak akan kembali ke kancang hina.

Matlamat akhirnya ialah agar gelandangan bukan sahaja mampu berdikari tetapi terus cemerlang dalam hidup sehingga boleh membuka pintu rezeki kepada orang lain. Kerana itu mantan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa memberi mereka gelaran ‘Pahlawan Hijrah’ atau *Hijrah Warrior*, berhijrah daripada kehidupan suram kepada kehidupan bercahaya dan ceria.

Dengan segala kemudahan dan latihan yang diberi oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), gelandangan di ibu kota jauh lebih berasas baik daripada Nurul Syahida yang terkontang-kanting untuk berjaya.

Justeru jika dia mampu menjulang kejayaan, gelandangan Kuala Lumpur yang nasibnya dibela seharusnya mencapai kejayaan lebih cemerlang dengan lebih cepat. Yang penting ialah tekad diri dan tidak mudah patah semangat.

Jangan mudah putus asa jika berhadapan cabaran dan ujian. Malah lebih teruk lagi jika kembali ke kancang gelandangan sehingga mensia-siakan segala usaha dan bantuan diberi untuk transformasi diri. Keyakinan dan kesungguhan adalah kunci utama yang mestinya sentiasa ditanam di dalam diri. Ingat, tiada jalan pintas untuk kejayaan.

Adi-Usaha sampai jaya

Adi Feah

SKETSA



SAJAK

KOPI UNTUKMU (sempena hari wanita 2022)

Di stesen orang berkerumun, hujan turun mcurah basah percikan angin membias lalu. kubicara dalam hati, bila kau tiba hujan memuntah bertambah deras tiada yang terlindung dari basahan tempias

kau hadir dalam lejun, air menitik dari bajumu di tanganmu secawan kopi panas menyegukkan hatiku

kau hulur senyum, biarpun gentaran sejuk kusambut senyumu biar tadi kusimpan senyum dalam kemarahan

kuteguk panasnya kopi membakar marahu senyum bercantum

Abdul aziz ali
Ipoh Perak

Rela rentas sempadan hulur sumbangan

YWP dukung Aspirasi Keluarga Malaysia

DIANA AMIR

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) mendukung semangat Aspirasi Keluarga Malaysia cetusan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menerusi keterlibatan dalam program seperti Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, YWP rela merentasi sempadan dalam menghulurkan bantuan demi semangat Aspirasi Keluarga Malaysia tersebut.

“YWP akan turut serta dengan semua program yang telah disusun dan penglibatan kita juga bersama pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi di bawahnya. Sebagai contoh, baru-baru ini kami turut serta bersempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) di Johor.

“Di pihak YWP, keterlibatan adalah lebih kepada bantuan sukarelawan dan juga kerja-kerja gotong-royong serta tugas lain yang



SUKARELAWAN YWP bersama penduduk setempat berganding bahu ketika program kenduri rakyat di Johor baru-baru ini.

boleh dibantu oleh sukarelawan Wilayah Persekutuan (WP).

“Setiap kali adanya program, kami akan menghantar tenaga kerja seramai 10 orang atau lebih untuk membantu,” katanya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, melalui program seperti ini juga hubungan di antara agensi di bawah KWP dapat dieratkan lagi kerana mereka akan bergerak secara satu kumpulan.

“Sungguhpun KWP ini hanya fokus kepada tiga negeri WP sahaja

namun semangat Keluarga Malaysia membuatkan kita rentas sempadan dalam menyalurkan tenaga kerja terutamanya dari segi sukarelawan,” ujarnya sambil menambah Program JAKM ini akan diteruskan di Perlis pada 25 sehingga 27 Mac ini.

Dalam pada itu, beliau turut mengulas berkenaan kebakaran yang memusnahkan kenderaan persendirian di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Intan Baiduri baru-baru ini.

“Untuk makluman setakat ini tiada bantuan disalurkan kepada mereka terlibat oleh kerana kebakaran yang berlaku melibatkan kenderaan persendirian di mana mangsa boleh menuntut insurans di atas kejadian itu.

“Namun saya mahu mengingatkan warga WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang ditimpakan bencana atau musibah untuk tidak mudah panik dan kekal tenang kerana terdapat banyak saluran bantuan disediakan serta pelbagai pihak bersedia dalam menyalurkan sebarang bantuan,” tegasnya bahawa mereka tidaklah keseorangan dan YWP akan

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8000 8000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

sentiasa bersama-sama dalam membantu warganya.

Terdahulu, dalam kejadian kebakaran di PPR Intan Baiduri pada 4 Mac lalu, sebanyak 48 buah motosikal serta empat buah kereta musnah dikatakan berpunca hanya daripada salah faham antara suspek utama dengan salah seorang mangsa motosikal yang terbakar. **WK**

Peserta Indonesia dibawa bercuti di Genting Highlands dan Langkawi - Tourism Malaysia

HAZIRAH HALIM

SERAMAI sembilan orang peserta dari Indonesia terpilih menerokai keunikan destinasi pelancongan terkenal Malaysia iaitu Genting Highlands dan Langkawi menerusi program lawatan suai kenal anjurkan Tourism Malaysia.

Peserta yang terdiri daripada lima ejen pelancongan dan empat media dari Jakarta dan Medan tersebut dijemput untuk menginap selama lapan hari tujuh malam di Langkawi dan Genting Highlands baru-baru ini.

Tourism Malaysia dalam satu kenyataan memaklumkan, penganjuran program itu adalah untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi percutian selamat dan menarik selepas pembukaan sempadan negara bermula 1 April ini.

“Ini merupakan inisiatif kami untuk mempamerkan Malaysia sebagai destinasi menarik dan berpatutan serta mampu mencetus minat dalam kalangan ejen pelancongan untuk membangunkan pakej-pakej menarik buat pasaran Indonesia,” jelas kenyataan tersebut.

Antara aktiviti yang dilakukan peserta semasa di Langkawi seperti melawat bakau di Kubang Badak, Langkawi Skycab Ride yang merupakan kereta kabel paling curam di dunia dan meneroka muzium 3D interaktif terbesar di Malaysia atau 3D Art Langkawi.

Tambah kenyataan itu lagi, program jelajah tersebut juga mendapat kerjasama gabungan Resort World Genting yang mana peserta telah dibawa untuk merasai pengalaman tarikan terbaharu iaitu Genting SkyWorlds, Skycropolis - Taman Tema Dalaman, Awana Skyway serta melihat sistem lif gondola sepanjang ti-



PESERTA berseronok bermain jet ski di Paradise 101 Langkawi.

ga hingga empat kilometer panjang yang mampu menampung seramai 1,600 orang dalam satu jam.

“Peserta juga telah menginap di Resort World Awana Hotel, Genting Highlands selama empat hari tiga malam dalam tempoh percutian tersebut,” katanya.

Dalam pada itu, Tourism Malaysia memberitahu, sejak 15 November tahun lalu, pelancongan antarabangsa telah disambung semula di Langkawi menerusi inisiatif gelembung perjalanan antarabangsa sebagai sebahagian usaha untuk memulihkan ekonomi pulau yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Terdahulu, sebelum COVID-19 melanda negara pada tahun 2019, statistik pelancongan Malaysia menerima seramai 3.6 juta pelancong dari Indonesia. **WK**



RASAI kedinginan di puncak Genting Highlands SkyWorlds.

Dana khas untuk PKS terjejas banjir sehingga RM100,000

MALAYSIAN Industrial Development Finance Berhad (MIDF) memperkenalkan bantuan pembiayaan khas di bawah Dana Kecemasan PKS 2.0 (SMEEF 2.0) dengan versi ditambah baik dari dana Kecemasan PKS (SMEEF) yang pertama kali diumumkan pada 2012.

SMEEF 2.0 bantuan pembiayaan khas untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas teruk akibat banjir, baru-baru ini.

Ia disediakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) melalui SME Corporation Malaysia dan diuruskan oleh MIDF.

Ketua Bahagian Pembangunan Kewangan MIDF, **Azizi Mustafa** berkata, di bawah SMEEF 2.0, MIDF menawarkan bantuan pembiayaan sehingga RM100,000.

Katanya, bantuan itu diberikan kepada PKS terjejas akibat banjir dalam semua sektor ekonomi meliputi pelbagai keperluan asas perniagaan termasuk untuk pembiayaan aset seperti mesin, membaik pulih premis perniagaan dan modal kerja.

“Penambahbaikan lain di bawah SMEEF 2.0 termasuk tempoh pembiayaan sehingga lima tahun, moratorium 12 bulan dan kadar pembiayaan tanpa faedah untuk pemohon yang berjaya,” katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai bantuan untuk PKS ini, boleh menghubungi Unit Penasihat Perniagaan MIDF di talian 1-300-88-6433 atau e-mel di GrowYourBusiness@midf.com.my

PKS yang terjejas juga boleh mendapatkan maklumat lanjut dan memohon SMEEF 2.0 melalui laman sesawang www.growyourbusiness.com.my. **WK**



TOURISM MALAYSIA® cuti-cuti MALAYSIA

Fly SAVE

bersama Firefly

Terokai penerbangan baru Boeing 737

Bermula 11 April 2022



Dari P.Pinang ke Kota Kinabalu,
Kuching dan Johor Bahru

Tempah sekarang hingga 20 Mac 2022 | Terbang dari 11 Apr - 30 Jun 2022

DARI RM
49*
SEHALA



Muat turun aplikasi mudah alih Firefly dan tempah penerbangan anda sekarang serta menikmati tawaran eksklusif bersama aplikasi mudah alih Firefly

Download on the
App Store

GET IT ON
Google Play

EXPLORE IT ON
AppGallery

Tempah sekarang

fireflyz.com.my

* Harga termasuk cukai lapanagan terbang dan caj yang lain. Tertakluk terma dan syarat.

REALITI KEHIDUPAN



18 - 24 MAC 2022 . BIL 158

Wilayah Ku

Jom ke pantai air tawar Putrajaya



DIANA AMIR

BERLATARBELAKANGKAN panorama tasik Putrajaya serta beberapa binaan ikonik seperti Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Jambatan Seri Saujana menjadikan Pantai Floria sebagai destinasi wajib

apabila berkunjung ke bandar pentadbiran kerajaan persekutuan ini.

Dibuka secara rasmi pada 1 Mac 2022 kepada pengunjung dan pelawat, tarikan terbaharu rekreasi air di Putrajaya ini beroperasi dari pukul 9.00 pagi hingga 6.30 petang.

Pantai Floria iaitu pantai buatan sepanjang 100 meter dengan keluasan 600 meter persegi ini dilengkapi dengan menara tinjau untuk para petugas keselamatan, peti pertolongan cemas, kawasan lapang, air pancuran

serta tempat duduk bertingkat yang selesa kepada para pengunjung yang hadir.

Mampu memuatkan seramai 150 orang dalam satu masa, kedudukan Pantai Floria dan Sisiran Floria yang berhampiran dengan kemudahan permulaan *pit stop* laluan basikal di Putrajaya akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Menurut Pengarah Alam Sekitar, Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland Perbadanan Putrajaya

(PPj), **Ruhselah Ismail**, beberapa penambahbaikan akan dilakukan dalam memastikan Pantai Floria tersebut kekal relevan untuk dilawati.

"Akan datang ini kita akan ada bot elektrik selain beberapa aktiviti air yang telah dirancang oleh pihak PPj. Kita juga dalam perancangan untuk berkolaborasi dengan pihak hotel berdekatan untuk mengadakan pakej hotel dan aktiviti kepada pengunjung.

"Biarpun kawasan ini sudah dua tahun sepi tanpa sebarang aktiviti



namun sejak ia dibuka semula, kita mampu menarik lebih 10,000 pengunjung setiap hujung minggu iaitu Sabtu dan Ahad.

"Untuk itu, kemungkinan besar kita juga akan memanjangkan lagi kawasan pantai tersebut supaya ia lebih luas dan selesa untuk para pengunjung," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, pihak PPj juga akan menambah kios makanan dan minuman serta memandang lebih serius pengurusan dari segi logistik agar kebersihan di kawasan tersebut sentiasa terjaga.

"Kita juga menyeru pengunjung supaya lebih menjaga kebersihan dan menyanyangi pantai ini supaya kekal bersih dan untuk itu kita akan melantik beberapa pihak untuk membantu."

"Bermula 16 Mac untuk pengurusan yang lebih mampan, kita akan mengenakan caj minimal berpatutan untuk pengunjung supaya apa yang



RUHSELAH

dijaga selama ini memberi pulangan balik kepada orang ramai dan juga PPj," jelasnya.

Bercerita lanjut tentang idea asal pantai buatan ini, Ruhselah berkata, ia tercetus melalui mantan Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain ketika beliau mengunjungi negara matahari terbit.

"Beliau melihat orang mandi-manda di tengah bandar semasa lawatannya di Jepun dan ingin melakukan perkara sama di sini. Jika kita lihat di Putrajaya, pelbagai aktiviti atas air berkayak, memancing, naik bot dan

sebagainya sudah ada cuma pantai sahaja yang belum."

"Pada peringkat permulaan, ada tiga kawasan yang kita cadangkan tetapi kawasan ini paling sesuai kita rasa kerana tarikan lokasi itu sendiri yang mana di sini juga pernah kita anjurkan Pesta Floria Diraja," ujarnya lagi.

Menyengkap 20 tahun usia tasik buatan Putrajaya, Ruhselah berkata, selama tempoh itu, PPj berusaha sebaik mungkin untuk memastikan air tasik mencapai kategori 2 iaitu boleh disentuh dan tidak berbahaya kepada tubuh.

"Alhamdulillah, kejayaan tersebut membuatkan kami teruja apabila usaha menjaga air tasik Putrajaya akhirnya berhasil. Bagi mendekatkan lagi komuniti dengan tasik, maka kita adakan aktiviti bersentuhan air dan itulah tujuan utama Pantai Floria diwujudkan," ujarnya.

Katanya lagi, Putrajaya merupakan satu-satunya lokasi di Malaysia yang mempunyai pantai air tawar dalam bandar.

"Di bandar lain tiada tasik buatan dan saya mengharapkan orang ramai sentiasa bersama pihak PPj memastikan kualiti air ini dikekalkan supaya ia boleh digunakan sehingga lima tahun akan datang," ujarnya yang menghadkan tempoh dua jam bagi setiap pengunjung dalam memastikan prosedur operasi standard (SOP) sentiasa dipatuhi.



PELBAGAI menu menarik ditawarkan di Cyclist Cafe yang terletak berhampiran Pantai Floria.



ANJUNG Floria menjadi pit stop utama bagi permulaan dan penamat setiap pilihan laluan penunggang basikal.



KAUNTER bagi aktiviti berkayak.



Aktiviti menarik menanti anda



SABRINA SABRE

KEINDAHAN sisiran Tasik Anjung Floria yang bertempat di Presint 4, Putrajaya menjadikan ia destinasi pilihan penduduk setempat dan pelancong dari luar untuk menjalankan pelbagai aktiviti santai.

Kunjungan *Wilayahku* baru-baru ini mendapat pelbagai aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh pengunjung di sepanjang sisiran tasik Anjung Floria antaranya adalah memancing, berkelah, aktiviti rekreasi air seperti berkayak dan bot kawalan jauh.

Selain daripada itu, tarikan yang mengujakan di sini adalah ia turut terletak berhampiran dengan kemudahan permulaan *pit stop* laluan basikal di Putrajaya. *Pit stop* di Anjung Floria merupakan kawasan strategik yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai tempat persinggahan kepada pengunjung.

Tapak yang strategik dari segi kedudukan yang berhubung dengan sisiran Tasik Putrajaya, laluan sikal dan pejalan kaki sisiran tasik serta laluan



PIT stop di Anjung Floria merupakan kawasan strategik yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai tempat persinggahan kepada pengunjung.

cruise turut menawarkan pelbagai kemudahan asas yang diperlukan oleh penggemar sukan berbasikal terutama dalam acara-acara berkumpulan seperti *Cyclist Cafe*, parkir kereta, tandas awam, surau dan tempat rehat.

Bagi menenangkan fikiran, pengunjung juga berpeluang ke cawangan kedua *Garden Shop* yang terletak di Anjung Floria. Ia menawarkan pelbagai jenis pokok dan tumbuhan dengan harga berpatutan.

Bukan itu sahaja, *Garden Shop* turut menawarkan operasi penjualan tanaman landscap, anak pokok buah-buahan, sayuran, peralatan

perkebunan dan juga hasil sampingan taman seperti kompos.

Inisiatif yang dilaksanakan ini mengambil kira trend terkini masyarakat yang semakin cakna dengan keindahan landskap, aktiviti bercucuk tanam dan berkebun serta mengamalkan cara hidup yang lebih sihat melalui amalan 'Kebun Bandar'.

Dengan adanya pelbagai fasiliti dan aktiviti di *Pit Stop*@Anjung Floria, ia dapat menarik lebih ramai pengunjung datang ke Putrajaya untuk melakukan pelbagai aktiviti riadah santai serta rekreasi secara individu atau bersama keluarga dan rakan-rakan. **W.K**

| KADAR HARGA JOM REKREASI @ SISIRAN FLORIA | | |
|--|-----------------------------|--------------------------|
| AKTIVITI | KADAR (RM) | Masa / Jam |
| BERKAYAK | MyKad 15.00 Biasa 30.00 | 1 |
| BOT KAWALAN JAUH | MyKad 50.00 Biasa 100.00 | 0.5 |
| • Sewaan | MyKad 50.00 Biasa 100.00 | 3 |
| • Bot / Peralatan sendiri | MyKad 80.00 Biasa 160.00 | |
| MEMANCING | MyKad 50.00 Biasa 100.00 | 9.00 pagi 6.30 petang |
| TAPAK BERKELAH | MyKad 20.00 Biasa 40.00 | 9.00 pagi 6.30 petang |
| • Tapak sahaja tanpa khemah | MyKad 80.00 Biasa 160.00 | |
| • Khemah disediakan | PERCUMA | |
| PANTAI FLORIA | MyKad 3.00 Biasa 6.00 | 2 |
| • Dewasa & 12 tahun ke atas | MyKad 2.00 Biasa 4.00 | |
| • 5 hingga 12 tahun | MyKad 2.00 Biasa 4.00 | |
| • Bawah 5 tahun | PERCUMA | |



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menyempurnakan gimik pelancaran pada Majlis Pelancaran Lintasan Pejalan Kaki 'Fries' McDonald's di ibu kota Selasa lalu.

Inisiatif ke arah Kuala Lumpur Sejahtera 2030



SYUQQREE MOHD DAIN

MCDONALD'S Malaysia mengambil inisiatif ke arah menjadikan Kuala Lumpur bandar raya sejahtera menjelang 2030 dengan menampilkan Lintasan Pejalan Kaki 'Fries' McDonald's di

persimpangan utama lintasan pejalan kaki Bukit Bintang. Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia, **Datuk Azmir Jaafar** berkata inisiatif itu merupakan tanda sokongan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam meningkatkan pelan pembangunan fizikal, perkhidmatan dan sosioekonomi di ibu kota.

"Dengan pengumuman pembukaan sempadan negara kepada pengunjung dari luar negara tidak lama lagi, kami yakin Lintasan Pejalan Kaki 'Fries' McDonald's ini akan menjadi nilai tambah kepada keindahan Kuala

Lumpur dan lokasi wajib bagi golongan muda terutama untuk menambah koleksi 'posting' di media sosial mereka.

"Diharap inisiatif ini dapat melonjakkan lagi nama Kuala Lumpur khasnya dan Malaysia amnya sebagai sebuah destinasi wajib bagi pengunjung ke Kuala Lumpur," katanya.

Lintasan Pejalan Kaki 'Fries' McDonald's itu dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dan turut dihadiri Timbalan Menterinya, Datuk Seri Jalaluddin Alias.

Azmir berkata McDonald's Malaysia bersetuju untuk menaja kos penyelenggaraan lintasan itu selama setahun. **W.K**



ORANG awam mengambil peluang untuk bergambar di Lintasan Pejalan Kaki 'Fries' McDonald's.



SHAHIDAN (tengah) bersama Jalaluddin (kanan) melihat alatan mesin yang digunakan di McDonald's Bukit Bintang.



PESERTA Pertandingan Ratu dan Puteri Kebaya memperagakan busana masing-masing.



DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah bertanya khabar penyanyi, Amy Search yang turut diundang ke Karnival KL Dulu.



TIGA legenda utama, Datuk Ramli Sarip (kiri), Datuk M Nasir (tengah) dan Ito (kanan) berkongsi pengalaman ketika sebagai anak seni di Kuala Lumpur suatu ketika dahulu.

KL Dulu singkap evolusi ibu kota

FOTO CHONG WOON SONG

MENITI usia 50 tahun pada 1 Februari lalu, bandar raya Kuala Lumpur menyimpan pelbagai sejarah suka dan duka yang berevolusi dari pekan kecil sehingga menjadi sebuah bandar raya yang terbilang di dunia.

Menyingkap sejarah panjang bandar raya yang didirikan Sultan Puasa ini, Pameran dan Karnival KL Dulu dianjurkan bagi memperkenalkan keunikan Kuala Lumpur dari nilai sejarah yang dikumpulkan.

Pengarah Jabatan Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), **Khairul Azmir Ahmad** berkata, objektif utama penganjuran KL Dulu adalah untuk mempromosikan semula sejarah bandar raya ini untuk tatapan dan pengetahuan kepada generasi muda.

"KL Dulu bukan sahaja berbentuk hiburan semata-mata, bahkan komponen utamanya adalah ilmu dan wacana mengenai bandar raya yang kini menjadi pusat utama kecemerlangan negara.

"Sebab itu, program ilmu yang berbentuk wacana dianjurkan bagi orang ramai mengetahui Kuala Lumpur dari sudut sejarah selain sudut komersil yang lain," katanya kepada *Wilayahku* pada Sabtu.

Menjelas lanjut, penganjuran ini berbeza kerana kini, KL Dulu dilaksanakan sempena Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur.

"Kita bawakan artis-artis terkenal tanah

air seperti Datuk M Nasir dan Pyan Habib menerusi filem mereka Kembara Jalanan yang menceritakan mengenai kisah individu yang berhijrah ke ibu kota untuk mencari rezeki.

"Selain itu, turut dijemput adalah Datuk Ramli Sarip, Imuda dan penyanyi lagu 'Saya Anak Malaysia' Dr Sam kerana ia sangat signifikan dengan survival warga kota ketika itu," katanya.

Menurut Khairul Azmir, program dan aktiviti yang telah disusun ini bertujuan untuk meraikan warga kota yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dari kanak-kanak hingga dewasa.

"Antara program yang dianjurkan adalah berbentuk *treasure hunt* Jom Jejak Jalan Ampang, Pertandingan Ratu dan Puteri Kebaya, Webinar KL Dulu, Wayang Pacak Cerita Klasik SIAR, Pertandingan Bakat Nyanyian Lagu-Lagu Sudirman, Pertandingan Permainan Tradisional dan pelbagai lagi," katanya. **WK**



SALAH seorang peserta Pertandingan Ratu dan Puteri Kebaya



Difitnah jual arak, Baby Shima sedih dilabel lupa agama



DEEL ANJER

APA nak jadi dengan netizen ni. Kalau tak suka pun, janganlah sampai memfitnah.

Itulah yang berlaku kepada penyanyi popular **Baby Shima** yang difitnah jual arak.

Hanya kerana penampilan dikatakan seksi, jamu yang dijual pun dikatakan arak.

Kecoh baru-baru ini apabila Shima atau nama sebenarnya Nor Ashima Ramli, 27, memuat naik beberapa hantaran dalam *InstaStory* memaparkan komen-komen netizen yang mengutuk produk jamu jualannya.

"Mungkin mereka tak suka saya, jadi apa pun saya

lakukan tetap salah pada mata netizen. Padahal dari segi botol jamu, memang tak ada persamaan langsung dengan botol minuman tersebut (arak).

"Janganlah ingat saya ni tak tahu pasal agama. Mungkin mereka hanya pandang luaran. Saya masih tahu halal dan haram."

"Saya juga diugut supaya berhenti jual jamu. Lebih teruk, ada yang sampai cakap, hasil jamu yang saya jual adalah duit yang haram. Mereka marah-marah dan tak bagi saya jual jamu."

"Kalau tak sukakan seseorang, saya tak kisah dihina. Tapi janganlah hina rezeki. Saya sendiri dah tak

kisah kalau orang benci atau tak suka saya.

"Sebab saya tak boleh nak buat apa pun. Apa yang penting, saya tak kacau dan hancurkan kehidupan orang lain," katanya yang terkilan niat baik mencari rezeki menjual jamu disalah ertikan.

Perlu diingat, artis juga seperti orang lain yang turut terkesan dengan pandemik COVID-19.

Kebanyakannya mereka perlu bangkit untuk meneruskan kelangsungan hidup dengan bermula.

Sepatutnya kita semua bersama-sama menyokong antara satu sama lain. Bukannya saling menjatuhkan.

Bagi yang mengikuti perkembangan Baby Shima, dia banyak membantu masyarakat mempromosi produk secara percuma sejak dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lagi.

Bukan itu sahaja, Shima juga antara artis yang bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi mempromosi kempen Usahawan Anak Muda Kota.

Jadi janganlah sibuk melabelkan seseorang itu begitu dan begini. Tanya pada diri sendiri, apa sumbangan kita kepada masyarakat.

WK



Hikmah sakit disihir, Ustaz Kazim jadi hero filem

PENDAKWAH popular Datuk Mohd Kazim, 49, atau lebih dikenali sebagai **Ustaz Kazim** bakal mencebur dunia perfilman apabila menjadi pelakon utama sebuah filem tidak lama lagi.

Filem tersebut berkisarkan tentang zaman kanak-kanak sehingga sekarang di mana dirinya turut bertindak sebagai penulis skrip.

"Saya dapat tawaran berlakon filem dan menjadi hero serta dibuat filem autobiografi tentang saya. Saya rasa syukur pada Allah kerana setakat ini yang pertama di Malaysia, cerita seorang ustaz dari kecil hingga besar sekarang."

"Pelancaran filem itu tidak lama lagi, *Insya-Allah* bulan April ini," katanya yang berharap penggambaran yang sudah bermula berjalan lancar.

Ustaz Kazim ditemui pada sidang media selepas melancarkan produk susu kambing Faa-iz keluaran Al-Faizin Marketing di Kompleks Islam Darul Faizin (KiDaF), di Bandar Baharu, Kedah, baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus KiDaF, Ustaz Jafri Abu Bakar@Mahmud.

Ustaz Kazim yang menjadi popular kerana sering muncul dalam program dan forum agama Islam di kaca televisyen menyifatkan tawaran berlakon filem itu sebagai hikmah apa yang menimpa dirinya sebelum ini.

"Saya ingat yang pertama Tuhan bagi saya sakit macam-macam sebab tuhan hendak bagi benda lain, setiap kali saya sakit saya dapat benda lain. Itu yang merawat hati saya. Saya sentiasa berpandangan baik dengan tuhan."

"Saya anggap dosa saya banyak dan saya anggap ini menghapuskan dosa. Ada orang tanya sakit empat bulan Allah bagi apa kepada ustaz?"

"Jadi sebab itu walaupun saya sakit, saya rasa seronok sebab ada benda Tuhan hendak beri kepada saya," katanya lagi.



Gadis Jolobu The Movie bawa budaya Melayu ke mata dunia

SATU pencapaian membanggakan apabila filem *Gadis Jolobu The Movie* bakal ke pasaran antarabangsa.

Filem hasil kerjasama Tremendous Entertainment dan Zebra Studios ini membawa budaya dan tradisi Minangkabau dari Negeri Sembilan yang pastinya memberi kelainan atau 'selera' berbeza kepada masyarakat di luar negara.

Pengasas dan Pengarah Zebra Studio, **Saraleana Nattaya Azmi** berkata filem bergenre komedi yang menggunakan dialek Negeri Sembilan sepenuhnya itu sedang menjalani

penggambaran di Kampung Lonek, Negeri Sembilan.

"Kami teruja memulakan penggambaran filem dialek pertama, apatah lagi, gabungan pelakon, penyanyi dan pelawak berpengalaman bersama bakat baharu yang dikenalpasti."

"Kami percaya filem *Gadis Jolobu The Movie* adalah permulaan yang baik untuk merealisasikan visi kami bagi mengangkat kandungan Malaysia ke peringkat global."

"Lihat sahaja drama bersiri, *Money Heist*, ia menjadi tontonan ramai walaupun bukan dalam bahasa Malaysia



SARALEANA

kerana tetap terhibur dengan kandungannya dan kualiti produksi.

"Di Malaysia, kita boleh berbangga dengan filem *Hantu Kak Limah* yang mengetengahkan dialek Perak hingga berjaya menarik perhatian jutaan penonton," katanya kepada *Wilayahku*.

Atas faktor itu, katanya, pasukan produksi memilih pengarah berpengalaman, CL Hor.

"Tremendous Entertainment percaya kebolehan bakat pengarah tempatan, Hor yang berpengalaman menghasilkan filem di China, Hong Kong dan Korea Selatan untuk menghasilkan filem *Gadis Jolobu The Movie*.

"Walaupun CL Hor pengarah berbangga Cina, namun, beliau juga pernah menghasilkan beberapa filem Melayu sebelum ini," jelasnya lagi.

Filem *Gadis Jolobu The Movie* arahan CL Hor diterajui pelakon, penyanyi dan pelawak berpengalaman seperti Datuk Hattan, Khir Rahman, Joey Daud serta memperkenalkan bintang baharu yang juga pengacara, Ahirine Ahirudin.

ORANG kuat filem *Gadis Jolobu The Movie*.

Kaji mendalam punca sebenar banjir kilat

MUKADDIMAH

CADANGAN untuk mereka bentuk sistem perparitan yang baharu di seluruh bandar raya Kuala Lumpur akibat banjir kilat yang berlaku dalam tempoh tiga bulan pastinya bakal menelan kos yang sangat tinggi namun pada masa sama, 'root cause' terhadap masalah tersebut perlu diteliti semula termasuk aspek penyelenggaraan terhadap sistem perparitan sedia ada.

Pensyarah Kanan Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA (UiTM) **PROFESOR MADYA DR ARUAN EFENDY MOHD GHAZALI** tampil mencadangkan supaya pihak berkuasa menekankan aspek penyelenggaraan terlebih dahulu sebelum cadangan drastik termasuk membuat reka bentuk baharu untuk sistem perparitan di seluruh bandar raya dilakukan. Beliau turut menekankan kepada penggunaan tenaga yang dimiliki universiti awam yang pakar dalam bidang berkaitan dalam wawancara bersama wartawan *Wilayahku*, **AZLAN ZAMBRY** di pejabatnya baru-baru ini.

WILAYAHKU: Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melantik pakar perunding untuk menjalankan kajian mereka bentuk sistem perparitan dan saliran di ibu kota, apa pandangan Prof mengenai perkara ini?

ARUAN: Sebelum kerajaan membuat keputusan untuk membuat reka bentuk yang baharu untuk sistem perparitan dan saliran di Kuala Lumpur, saya mencadangkan untuk kita lihat semula reka bentuk sedia ada ini adakah ianya dibina dengan spesifikasi yang telah ditetapkan atau tidak, itu yang pertama. Katalah ia dibina mengikut spesifikasi, kita kena lihat pula pada aspek penyelenggaraan, adakah ia dilakukan atau tidak. Kalau dulu, kita reka bentuk sesuai parit atau sungai, mungkin kadar kedalamannya dua meter, adakah kini sungai atau parit tersebut masih lagi mempunyai kedalamans dua meter? Kalau longkang semasa fasa

reka bentuk mungkin 10 tahun lalu, reka bentuk kadar alirannya (*flow rate*) mengambil kira kedalaman satu meter, dan adakah kini sama seperti waktu dulu.

Adakah *in let* atau lubang air untuk aliran ke longkang dan seterusnya ke kolam takungan telah diselenggara dengan betul? Sekiranya penyelenggaraan itu tidak dilakukan dengan betul dan tidak mengikut jadual selepas itu kita terus buat cadangan untuk membuat reka bentuk sistem perparitan baharu di dalam bandar raya, saya kurang bersetu dengan perkara itu.

WILAYAHKU: Taburan hujan yang luar biasa berlaku sehingga sistem perparitan tidak boleh menampung jumlah air hujan yang banyak, apa komen Prof?

ARUAN: Kita kena lihat adakah reka bentuk sekarang ini sesuai mengikut kapasiti hujan atau tidak. Kita juga perlu melihat

kepada reka bentuk parit yang sedia ada mungkin menjadi tempat perangkap sampah disebabkan tidak diselenggara sehingga menyebabkan aliran air tersokat.

Kolam takungan yang dahulunya boleh menampung sekian banyak air hujan, adakah sekarang ia masih boleh menampung jumlah air yang sama atau kurang disebabkan mendapan dah banyak dan ia menjadi lebih ceteak.

Sebab itu, kita kena ada program penyelenggaraan sungai dan parit. Kalau semua perkara itu sudah dibuat dan ia masih tidak mampu menampung jumlah taburan air hujan yang sekarang, barulah kita fikirkan untuk membuat reka bentuk yang baharu.

WILAYAHKU: Pada pandangan Prof apakah ada keperluan untuk menaik taraf sistem perparitan ketika ini?

ARUAN: Bagi saya, kerja-kerja menaik taraf ini memang boleh dilakukan sekiranya ada keperluan. Namun proses naik taraf itu perlu dibuat semasa bukan musim hujan. Kalau kita lakukan sekarang ini, ia akan mengganggu perjalanan air.

Banyak faktor kita kena lihat terlebih dahulu selain daripada naik taraf longkang, saya yakin Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebagai badan berkuasa mempunyai pakar untuk melihat semua. Sudah pasti kita hendak melihat masalah ini diselesaikan secara tuntas, namun kita tidak mahu ia berlaku secara tidak kemas dan kurang teliti.

Adakah perlu dinaik taraf sistem saliran ini dengan mengambil data sekarang sedangkan dalam keadaan biasa, tidak perlu pun sebesar itu saliran kita ini. Itulah sebab ia berbalik kepada kerja-kerja penyelenggaraan tadi, mungkin yang jadi penyebab hanyalah kemerosotan kadar aliran air dari longkang ke kolam takungan apabila longkang tidak diselenggara dengan baik, sekali gus akan menyebabkan air bertakung dan banjir.

WILAYAHKU: Pekerja pembersihan melaporkan banyak paip atau kabel utiliti yang diletakkan di dalam longkang atau parit telah menjadi perangkap sampah sehingga mengganggu kelancaran air, adakah ia dibenarkan?

ARUAN: Sebenarnya ia tidak boleh langsung. Tidak boleh ada paip utiliti yang mengganggu reka bentuk kapasiti aliran asal itu. Kita telah reka bentuk untuk

aliran air pada kadar tertentu, tetapi selepas beberapa tahun ada kontraktor utiliti yang 'menceroboh' dan meletakkan paip atau benda lain, yang mengganggu kapasiti sebenar.

Ia sama seperti yang berlaku di permukaan jalan raya kita hari ini, apabila ia siap diturap, ada syarikat utiliti yang potong dan masukkan kabel. Kemudian selesai, mereka menampal semula jalan tanpa mengikut spesifikasi asal dan itu yang menyebabkan jalan raya cepat rosak berbanding mengikut spesifikasi ditetapkan.

Ia sama juga seperti sistem perparitan di negara kita. Sepatutnya tidak boleh langsung kerana ia mengganggu reka bentuk asal.

WILAYAHKU: Adakah syarikat utiliti atau kontraktor yang diupah mengetahui mengenai perkara itu?

ARUAN: Semua syarikat utiliti sepatutnya tahu mengenai perkara ini

dan mereka tahu bahawa sistem perparitan ini tidak boleh diganggu reka bentuk asalnya kerana bila sistem perparitan dibina, ia direka bentuk menggunakan beberapa spesifikasi termasuklah kadar aliran air, kedalaman dan keluasan parit serta kekasaran permukaan parit.

Ia menunjukkan semua parameter ini penting dalam proses mereka bentuk parit dan sekiranya ini diganggu, maka ia akan menyebabkan sampah boleh tersokat, mengganggu aliran asal air dan banjir kilat mudah berlaku tambahan pula dalam situasi hujan lebat yang berlaku baru-baru ini.

Ia bukan sahaja menganggu aliran air, malah ia akan menjadi perangkap sampah dan akan mengganggu spesifikasi asal sistem perparitan ini. Sepatutnya pihak kontraktor perlu merujuk dengan JPS atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta meminta nasihat dan kebenaran. Sekiranya didapat melanggar dan boleh menjelaskan fungsi mengikut reka bentuk yang diluluskan itu, maka DBKL atau JPS perlu bertegas dan pihak kontraktor perlu mencari kaedah lain untuk memasang komponen utiliti tersebut.

WILAYAHKU: Ada dakwaan bahawa kelulusan perintah pembangunan (DO) diberikan secara meluas sehingga menyebabkan sistem perparitan tidak dapat menampung kapasiti air, apa komen Prof mengenai

perkara itu?

ARUAN: Pada asalnya pembangunan sesebuah bandar sudah mengambil kira soal populasi, lokasi bangunan, perparitan dan sistem pembentangan. Tetapi mungkin yang berlaku di Kuala Lumpur pembangunan fasa kedua dan seterusnya mungkin dilakukan tanpa merujuk kepada kapasiti atau reka bentuk asal sistem perparitan atau pembentangan ini sama ada ia sesuai atau tidak.

Tetapi bila pembangunan baharu dilakukan, kadang kala ia tidak mengambil kira mengenai perkara yang asal itu.

Ia bermaksud, pertambahan pembangunan itu tidak selari dengan pertambahan sistem saliran serta pembentangan.

Sudah tentu pihak DBKL mengawasi mengenai perkara ini dengan penetapan plot ratio dan sebagainya. Dan jika cadangan pembangunan

baru mendapat kelulusan, banjir kilat yang kerap sepatutnya tidak berlaku kerana cadangan itu telah mengambil kira reka bentuk terdahulu, sistem perparitan dan kumbahan tadi.

WILAYAHKU: Hujan lebat ini turut menyebabkan banyak kejadian tanah runtuhan di Lembah Klang sehingga menyebabkan berlaku kematian baru-baru ini, apakah cadangan Prof kepada pihak kerajaan dalam menangani masalah ini?

ARUAN: Ia berbalik kepada faktor alam kerana hujan yang lebat itu telah melemahkan struktur tanah. Sekiranya cerun itu kering, ia tiada masalah. Kalau ia basah dalam kadar yang lama, ia akan struktur tanah akan terus melemah dan boleh mengakibatkan malapetaka.

Bagi saya, perlu ada pakar yang dilantik untuk menilai dan mencadangkan kepada kerajaan bagi melakukan kerja-kerja pengkuhan struktur tanah kalau perlu.

Malah sudah ada usaha daripada UiTM sebagai contoh satu ketika dahulu membuat kajian dan kit penilaian keselamatan terhadap cerun mengikut pengelasan tertentu menggunakan warna bagi menjelaskan situasi atau keselamatan cerun yang dinilai menggunakan rod besi yang ditanam ke dalam cerun. Saya yakin kerajaan sudah bertindak ke arah itu namun ia mungkin masih belum menyeluruh. **WK**



MEDIA WARGA KOTA

Dapatkan
di 500 lokasi terpilih
di Kuala Lumpur,
Putrajaya dan Labuan

* Maklumat lanjut layari: www.wilayahku.com.my *

Wilayah Ku MEDIA WARGA KOTA

Bantuan dari peruntukan kewangan kerajaan PN diteruskan

POJOK: Dapati lif baru jaga baik-baik >> 7

Selebriti: Gangguan mental bukan gila >> 14

Resipi: Ban goreng menu harian Menteri Wilayah >> 16

Kehidupan warga PPR, PA lebih selesa

Tiada lagi lif rosak

74 dikompaun lebih RM415,000 angkara parti hari jadi

Wilayah Ku MEDIA WARGA KOTA

Hotel percuma: Warga PPR, PA sambut baik PKRCS khas

U

PISODI reg!

E

Bagi Ismail Sabri,

Selain itu, sejumlah RM127

Bagi Ismail Sabri,

Justeru itu, program

Justeru itu, program

LALU BERITA/IMAMAR

DI MUKA 2, 3, 7, 12 & 13

SEBAHAGIAN LOKASI EDARAN
AKHAR WILAYAH KU

KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ **JALAN RAJA LAUT:** PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ **JALAN PAHANG:** RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ **JALAN MASJID INDIA:** PT10BUSINESSCENTRE ■ **KAMPUNG BARU:** YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNG BARU ■ PASARAYAANGKASA ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAH ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7ELEVEN STESEN LRT ■ **JALAN TUN RAZAK:** INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■

PUTRAJAYA - PRESINT 1: MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJARAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJARAYA - URUSAN BANGUNAN ■ **PRESINT 2:** KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■

LABUAN - PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFS ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCH-A-RANCH ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■



MAKANAN popular Indonesia iaitu soto betawi.



RENDANG tok turut disajikan di Coffee House Sunway Putra Hotel.



Tradisi Malindo di Sunway Putra sempena Ramadan



HAZIRAH HALIM

APABILA menghampiri bulan Ramadan, seakan menjadi tradisi restoran dan hotel mempromosikan buffet ramadan. Rata-ratanya berlumba-lumba menawarkan pelbagai juadah lazat untuk dinikmati ketika berbuka puasa bersama keluarga, rakan mahupun yang tersayang.

Turut mengambil peluang tersebut, Sunway Putra Hotel menampilkan buffet bertemakan 'Selera Nostalgia Malindo' di Coffee House hasil gabungan istimewa dua cita rasa negara serumpun iaitu Indonesia dan Malaysia.

Menurut Pengurus Besar Kananya, **Wilfred Yeo**, pihaknya membawa kelainan pada Ramadan tahun ini dengan mengetengahkan selera dua negara bermula 9 April sehingga 1 Mei ini.

"Selera Nostalgia Malindo ini saya kira dapat mengubati kerinduan pengunjung terhadap masakan Indonesia akibat keterbatasan melancong sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dua tahun lalu."

"Dalam tema ini, tetamu akan

dihidangkan dengan 200 jenis masakan daripada dua negara seperti masakan popular Malaysia iaitu kari kepala ikan merah, rendang tok, sate, lemak, serunding dan banyak lagi," katanya sejurus sesi mempromosikan buffet Ramadan baru-baru ini.

Kata Wilfred, pada tahun ini juga pihak Sunway Putra Hotel turut menampilkan pelbagai juadah istimewa daripada negara nusantara seperti soto betawi, sup tulang rawon, nasi uduk, paru sambal terasi dan ayam bakar taliwang.

"Sasaran kita adalah untuk memanfaatkan semua pengunjung dan mahu mereka rasai kembali suasana iftar sebelum pandemik berlaku tetapi dengan harga yang berpatutan dan sesuai dengan keadaan semasa.

"Jika pengunjung lihat di mana-mana buffet Ramadan terutamanya di hotel, harga RM129 adalah harga restoran dan bukan untuk makanan di hotel kerana kita semua tahu cajnya sangat tinggi.

"Kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun pula akan menikmati diskon sebanyak 50 peratus daripada harga tersebut sementara mereka yang berumur lima tahun ke bawah adalah percuma," ujar beliau.

Meskipun keadaan sudah kembali seperti biasa, namun Coffee House Sunway Putra Hotel amat mementingkan aspek prosedur

operasi standard (SOP) dari segi penjarakan fizikal, sijil vaksinasi dan pencegahan diri.

"Di sini mampu memuatkan seramai 500 ke 600 orang tetapi jika permintaan pada hari tersebut terlalu ramai kami akan membuka meja di bahagian lobi untuk mengelakkan pelanggaran dan sentuhan.

SOTO BETAWI, NASI UDUK JADI PILIHAN

MENAMPILKAN soto betawi dan nasi uduk dalam buffet Ramadan, Wilfred mengakui kedua-duanya merupakan tarikan utama kerana persamaannya dengan masakan di Malaysia.

"Soto betawi adalah makanan popular di Indonesia dan mempunyai persamaan dengan kuah lontong atau mee soto tetapi masakan ini dimakan bersama daging lembu, kentang, kicap manis, tomato tetapi jika mahu lebih enak, tambahkan bersama nasi dan keropok malinjo atau empeng," katanya.

Selain itu katanya lagi, pengunjung wajib menikmati keenakan nasi uduk yang dihidangkan dengan pelbagai jenis lauk-pauk yang mana jika di Malaysia ia seumpama hidangan nasi kerabu.

"Pengunjung juga dapat merasai makanan terkenal di Malaysia iaitu satay. Kita ada satay daging, ayam dan perut serta pelbagai lagi hidangan pencuci mulut seperti kuih muih tradisional yang enak," kongsinya lagi. WK



WILFRED YEO



WILFRED Yeo menunjukkan cara-cara membuat soto betawi kepada wartawan Wilayahku.



Imbas kod QR untuk tonton video

Pembangunan lestari atasi banjir kilat



TAN SRI LEE
LAM THYE

KEBELAKANGAN ini isu banjir kilat kerap dibincangkan, apatah lagi ia semakin sering terjadi, malah lebih berbahaya disebabkan berlaku perubahan iklim dan cuaca yang melampau.

Sebenarnya, dasar yang menyokong pembangunan terancang dan lestari memang sudah sekian lama wujud misalnya menerusi Dasar Alam Sekitar Negara, Dasar Rancangan Fizikal Negara, Dasar Perbandaran Negara dan lain-lain lagi.

Namun, apa yang penting ialah setiap dasar ini perlu disokong dan dilaksanakan oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dengan berkesan.

Ini termasuk projek kerajaan negeri yang membabitkan penebangan hutan dan pembangunan perumahan bersaiz besar serta berkepadatan tinggi yang lazimnya menurunkan ciri permukaan tanah selain kapasitinya untuk menyerap air.

Satu daripada punca banjir kilat terjadi khususnya pada kali ini ialah kerana pembangunan yang dijalankan secara besar-besaran tanpa mengikut garis panduan berkaitan pembangunan lestari juga pelan pengurusan alam sekitar.

Apa yang berlaku di bukit dan hulu sungai akan mengalir ke laut dan jika proses dari hulu sungai ke hilir sungai ini digangu dan tidak lagi di dalam kapasiti semula jadi, banjir kilat akan berlaku.

Penebangan hutan di hulu sungai, kedudukan taman perumahan di kawasan rendah



SATU daripada punca banjir kilat terjadi khususnya pada kali ini ialah kerana pembangunan yang dijalankan secara besar-besaran tanpa mengikut garis panduan

atau mudah banjir, mengalihkan ariran sungai, sistem saliran yang tidak sistematik, pemendapan dan longkang tersumbat akan mewujudkan kesan yang lebih mencabar apabila perubahan iklim semakin meruncing.

Penilaian kesan alam sekitar dan impak sosial sepatutnya boleh menapis projek pembangunan yang tidak mesra alam sekitar dan berpotensi menjelaskan keselamatan masyarakat.

Oleh kerana itu, perhatian serius patut diberikan untuk memastikan projek pembangunan yang berisiko menjelaskan alam sekitar dan keselamatan masyarakat tidak dijalankan atau saiznya diperkecilkan.

Pembangunan harta tanah sungguh pun menjana ekonomi untuk pihak pemaju dan kerajaan, sewajarnya dijalankan dengan

lestari iaitu lebih berhati-hati dan tidak terlalu pesat sehingga merosakkan kapasiti semula jadi tanah yang dibangunkan.

Seperti semua maklum, perkara berkaitan penggubalan dasar dijalankan khusus oleh kerajaan, bagaimanapun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) boleh memainkan peranan yang penting semasa dasar ini digubal.

Malah ia boleh dikaji semula dengan mengambil bahagian dan memberi input secara aktif sebagai penyertaan awam atau *stakeholder engagements* seperti yang dijalankan oleh agensi kerajaan.

NGO juga boleh memainkan peranan penting untuk mewujudkan kesedaran awam terhadap impak perubahan iklim dan dasar sedia ada serta bagaimana masyarakat boleh



menyokong tindakan yang telah dikenal pasti dalam dasar berkenaan.

Dalam hal ini juga, NGO boleh membantu masyarakat untuk memahami dan menterjemahkan dasar, menyemak senarai tindakan dalam kawasan masing-masing sama ada sudah dilaksanakan langkah berkaitan pembangunan lestari.

Sebagai contoh dalam Dasar Rancangan Fizikal Negara ada menyatakan bahawa 'infrastruktur saliran hendaklah disediakan di semua penempatan untuk mengelakkan kejadian banjir'.

Langkah adaptasi untuk mengelak atau meminimumkan impak kejadian banjir adalah jauh lebih baik daripada projek mitigasi banjir dan pemulihan yang menelan lebih banyak perbelanjaan negara.

“Pembangunan harta tanah sungguh pun menjana ekonomi untuk pihak pemaju dan kerajaan, sewajarnya dijalankan dengan lestari iaitu lebih berhati-hati dan tidak terlalu pesat sehingga merosakkan kapasiti semula jadi tanah yang dibangunkan.”

Penulis merupakan Pengurus Ikatan Komuniti Selamat.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

wilayah MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE
RM7,500



HALF PAGE
RM5,500

QUARTER PAGE

12cm X 17cm
RM4,500

PANEL PAGE [INNER]

26cm X 6cm
RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER

1080px X 96px
RM2,500

MIDDLE BANNER

1080px X 280px
RM2,000

MEDIUM RECTANGULAR

350px X 280px
RM1,500

HALF PAGE

350px X 500px
RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Permainan tradisional pikat pengunjung

'Kita orang kampung di muzium Chimney'

NEGARA kita sememangnya mempunyai kekayaan dalam pelbagai jenis permainan tradisional yang tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas.

Sejak dahulu lagi, permainan seperti congkak, gasing, batu seremban dan sebagainya diamalkan oleh masyarakat dahulu sebagai satu aktiviti mengisi masa lapang.

Walau bagaimanapun, sayangnya pada zaman moden ini permainan tradisional yang menjadi kebanggaan dan menunjukkan kebudayaan di sesebuah tempat semakin dilupakan oleh golongan muda masa kini.

Kemunculan pelbagai permainan *gadget* dan perkembangan pesat teknologi masa kini mengakibatkan permainan tradisional semakin dilupakan dan tidak memenangi hati golongan muda.

Oleh itu, usaha memartabatkan semula permainan klasik ini perlu dilakukan agar ianya tidak luput ditelan zaman.

Menyahut usaha untuk mengekalkan tradisi itu, Muzium Chimney mengambil inisiatif mengajurkan Program Singgah Santai

yang mengetengahkan aktiviti masyarakat zaman dahulu dan permainan klasik untuk memberi pendedahan kepada generasi muda terutama kanak-kanak.

Bertemakan 'Kita Orang Kampung' dianggap sebahagian usaha memartabatkan permainan tradisional di negara ini, di samping memupuk minat orang ramai terhadap permainan tradisional dan cara kehidupan masyarakat dahulu.

Menurut Pembantu Muzium Chimney, **Zainon Halon**, program itu bertujuan bagi memartabatkan semula permainan klasik serta mendedahkan aktiviti-aktiviti masyarakat dahulu kepada kalangan khalayak ramai khususnya generasi muda masa ini.

Penganjuran itu yang bermula pada 5 Mac sehingga 20 Mac (Sabtu dan Ahad) menyediakan kira-kira 10 permainan tradisional dan beberapa aktiviti tradisi kepada pengunjung.

"Dalam program ini, kita mengetengahkan beberapa permainan klasik dan aktiviti masyarakat dahulu seperti menampi beras (menumbok beras),



SEORANG pengunjung sedang mempelajari teknik mengukur kelapa menggunakan alat pengukur tradisional.

mengukur kelapa.

"Selain itu, kita turut menyediakan busana tradisional seperti tanjak, samping dan kain batik untuk pengunjung mencuba dan mempelajari cara pemakaianya.

Zainon berkata, dengan wujudnya program seperti ini ia mampu mengalih sementara pandangan golongan berkenaan daripada gajet.

Tambahnya, sejak program itu dilaksanakan sambutan pengunjung dari luar dan dalam amat menggalakkan di mana ia menunjukkan program ini berjaya seperti yang

bermanfaat kepada golongan muda dan ianya mengembalikan semula memori zaman dahulu.

"Program ini amat bermanfaat di mana ada beberapa perkara yang selama ini saya tidak pernah rasa namun di sini saya dapat merasainya.

"Yang paling saya teruja adalah memakai tanjak, sebelum ini saya tidak pernah memakainya dan samping pula hari ini baru saya tahu cara pemakaian yang sebetulnya. Saya amat berpuas hati dan terhibur datang ke Muzium Chimney dengan pengisian amat bermanfaat ini," katanya.

Bagi seorang pejawat awam, Jacklin Jonabnes, 53, permainan tradisional bukan sahaja memberi hiburan, malah ia memberi manfaat terhadap kecerdasan rohani dan jasmani.

Katanya, pengajuran program ini perlu diteruskan bagi memartabatkan tradisi ini agar ia tidak dilupakan oleh masyarakat khususnya golongan muda.

"Saya harap usaha memartabatkan permainan klasik dan aktiviti masyarakat dahulu ini diteruskan agar tidak dilupakan.

"Program ini juga saya rasa dapat menarik minat pengunjung luar untuk datang ke Labuan bagi merasai permainan klasik ini," katanya.

WK

Warga emas terlantar sakit kroni, MAIWP hulur bantuan

SEJURUS menerima aduan mengenai seorang warga emas terlantar di Kampung Patau-Patau Satu di sini, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan bertindak pantas menghulurkan bantuan perubatan.

Menurut kenyataan MAIWP, warga emas berkenaan yang dikenali Abdul Hamid Kadir, 65, merupakan penerima bantuan kewangan bulanan dan perubatan am bermula Januari 2022.

Beliau memerlukan peralatan kesihatan apabila disahkan menghidapi penyakit 'Left Obstructive Uropathy Secondary to Left Proximal Ureteric Stone'.

"Pihak hospital mengesyorkan bagi pembelian peralatan perubatan itu bagi memudahkan beliau melakukan aktiviti harian.

"Pegawai Baitulmal Labuan telah membuat penyerahan peralatan kesihatan itu kepada Abdul Hamid di kediamannya,"



PEGAWAI Baitulmal MAIWP Labuan menyerahkan bantuan peralatan perubatan kepada Abdul Hamid (berbaring) yang menghidapi penyakit kronik.

kata kenyataan itu, baru-baru ini.

Tambahnya, bantuan itu disalurkan menerusi skim peralatan kesihatan berbentuk 'stomadress plus 16-64mm' membabitkan sejumlah RM2,136.00.



JESSICA (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan bakul makanan kepada Rithuan (dua dari kanan) sebagai simbolik penyerahan sumbangan itu, baru-baru ini.

Lions Club Labuan Mandarin sumbang bakul makanan kepada 122 kakitangan PL

SEBANYAK 122 bakul makanan disumbangkan Lions Club Labuan Mandarin kepada kakitangan Perbadanan Labuan B40, baru-baru ini.

Menurut Setiausaha, **Jessica Lee**, sumbangan itu bertujuan meringankan beban golongan itu yang turut terkesan akibat pandemik COVID-19 sejak dua tahun lalu.

"Kita harap dengan sumbangan ini dapat membantu meringankan serba sedikit beban yang dihadapi oleh mereka," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan sumbangan bakul makanan kepada kakitangan PL (B40) di Wisma Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Penyerahan itu disampaikan kepada

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PL, Rithuan Mohd Ismail.

Sementara itu, Rithuan turut menzahirkan terima kasih kepada Lions Club Labuan Mandarin atas sumbangan yang dihulurkan dan sentiasa membantu pihaknya dalam menghulurkan bantuan kepada masyarakat di pulau ini.

"Terima kasih kepada mereka atas keperihatinan yang disumbangkan dan bukan sahaja kepada kakitangan PL, malah mereka turut sentiasa menghulurkan sumbangan kepada masyarakat yang ditimpakan musibah bencana dan golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19," katanya. WK

Pedoman Syaaban: Kematangan Rasulullah SAW menghadapi fitnah



**Dr Mohd Shahid
Mohd Noh**

KEDATANGAN bulan Syaaban sebagai bulan persediaan sebelum datangnya Ramadan adalah perkara yang dinantikan oleh orang yang beriman.

Memperbanyakkan ibadah di bulan yang mulia ini selari dengan doa yang diajar oleh Nabi Muhammad SAW, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad: Ya Allah, berkatilah kami di bulan Rejab dan Syaaban serta sampaikanlah kami hingga ke bulan Ramadan.

Syaaban adalah salah satu dari bulan haram yang perlu dihargai dan diperbesarkan menerusi ibadat puasa sunat dan ibadat lainnya.

Nabi juga bersabda di dalam hadis riwayat al-Nasaie: Itulah dia bulan (Syaaban) yang seringkali manusia lalai di antara Rejab dan Ramadan.

Al-Syaukani mengulas hadis ini bahawa manusia itu lalai dari membesarbulan ini dengan berpuasa, sebagaimana ketika di bulan Rejab dan Ramadan.

Bulan yang mulia ini juga telah menyaksikan berlakunya peristiwa-peristiwa penting di dalam sejarah Islam.

Antaranya ialah kisah fitnah yang telah melanda keluarga Rasulullah SAW yang dinamakan dengan Kisah al-Ifk.

Menerusi kisah ini, Allah SWT telah memuliakan Nabi dan keluarganya terutamanya Sayyidah 'Aishah RA dengan apa yang telah tercatat di dalam Surah al-Nur.

Kisah ini juga menunjukkan betapa kejinya perancangan golongan munafik di dalam



SYAABAN adalah salah satu dari bulan haram yang perlu dihargai dan diperbesarkan menerusi ibadat puasa sunat dan ibadat lainnya.

menyebarluaskan fitnah terhadap keluarga Nabi Muhammad SAW, sehingga Allah SWT menurunkan ayat 19 Surah an-Nur sebagai satu kejadian dan penghinaan kepada mereka: Sesungguhnya orang-orang yang suka terhebat tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian).

Imam al-Bughawi (wafat 516) menyatakan azab yang Allah nyatakan tersebut ditujukan kepada Abdullah bin Ubay dan kelompok munafik yang bersama-sama menyebarluaskan fitnah sedangkan Allah SWT amat mengetahui bahawa 'Aisyah tidak terlibat di dalam urusan yang diadu-dombakan tersebut.

Ringkasnya, khabar al-Ifk ialah peristiwa yang menyaksikan 'Aisyah telah difitnah berdua-duaan bersama seorang Sahabat Nabi bernama Sofwan bin Mu'attol ketika

perjalanan pulang dari perang menentang Bani Mustaliq pada bulan Syaaban tahun kelima hijrah (terdapat juga pandangan yang mengatakan pada tahun keenam hijrah).

Reaksi para sahabat Nabi ketika itu berbeza-beza di dalam menerima berita ini; ada yang menafikannya, ada yang mempercayainya, bahkan ada yang mempercayai lebih dari apa yang digembar-gemburkan itu.

Syeikh al-Marhum Dr Mhd Said Ramadhan al-Buti mengulas di dalam buku Fiqh Sirahnya yang telah diterjemah kepada beberapa bahasa, bahawa peristiwa ini telah membuktikan dua hakikat utama kenabian kepada kita.

Pertamanya, meskipun dimuliakan dengan kenabian dan wahyu, ia tidak mengeluarkan seseorang nabi itu dari sifat kemanusianya, apatah lagi menisahkan baginda dengan sifat-sifat yang layak dan tertentu bagi Allah SWT semata-mata.

Keduanya, wahyu yang diterima oleh Nabi Muhammad SAW bukanlah perkara yang direka-

reka atau perasaan yang boleh diwujudkan sewenang-wenangnya.

Jika tidak, sudah pasti baginda boleh menerima wahyu lebih awal sebelum berlakunya kisah ini, dan menyelesaikan segala masalah yang berbangkit darinya.

Syeikh al-Marhum Dr Muhammad Abdullah Darraz menerusi kitabnya al-Naba al-'Azhim turut menuliskan bahawa permasalahan ini bukan sahaja kerana meluasnya tiupan fitnah kaum munafik ini sehingga didengari oleh kesemua penduduk Madinah, malah diburukkan lagi dengan kelewatan penurunan wahyu bagi menerangkan duduk perkara sebenar.

Namun ini tidak menghalang Nabi untuk terus positif dan bersangka baik, dengan menasihati dan memberikan kekuatan kepada Sayyidah 'Aisyah RA, "Wahai 'Aisyah, aku telah mendengar berita mengenaimu, jika kamu tidak melakukannya Allah pasti akan menyucikan kembali nama dan maruahmu, sebaliknya jika engkau terlibat di dalam kesalahan tersebut, mintalah ampun dari Allah SWT."

Ternyata setelah sebulan peristiwa ini berlaku, Allah SWT menurunkan ayat 11-20 Surah an-Nur yang membezakannya dari tuduhan ini, sekali gus memberi peringatan dan pengajaran iman yang begitu berkesan kepada umat Islam seluruhnya.

Allah SWT berfirman di dalam ayat ke-11 Surah an-Nur: Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu.

Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang

dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat).

Tidak kesemua perkara yang buruk akan menatihkan hasil yang negatif. Peristiwa ini telah mengukuhkan lagi iman para sahabat Nabi kepada Allah dan Islam yang disampaikan kepada mereka.

Jika benarlah al-Quran itu merupakan ciptaan dan dari kecerdikan Nabi sendiri, sudah tentu baginda akan berusaha untuk mendatangkan ayat baru bagi memulihkan keadaan tersebut.

Apa yang berlaku ialah Nabi sendiri menunggu kedatangan wahyu Allah SWT untuk menerang dan menjelaskan apa sebenarnya yang berlaku.

Untuk manusia yang hidup selepas zaman Nabi sehingga ke hari ini, sekiranya terlintas di hati kita al-Quran itu bukanlah kalam Allah, sebaliknya ia merupakan kalam dan olahan Nabi sendiri, sudah pastinya kisah seperti ini tidak akan dijadikan silibus kandungan di dalam kitab suci ini.

Kisah ini secara tidak langsung telah memperihalkan konflik yang pernah melanda rumah tangga Nabi Muhammad SAW.

Hakikatnya, kitab ini adalah kalam Allah SWT yang bukan dicipta oleh mana-mana manusia, khususnya Nabi SAW sendiri.

Al-Quran adalah dokumentasi wahyu yang diterima oleh baginda dariNya dan disampaikan dengan penuh amanah dan mutawatir, dari satu generasi ke generasi seterusnya, sehingga ke hari ini.

Kewujudannya itu sendiri tidak mampu dicabar mana-mana manusia untuk menyanginya, dan inilah bukti ampuh menunjukkan kitab ini merupakan wahyu dan syariat yang kekal hingga ke akhir zaman.

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, dan boleh dihubungi di shahid82@um.edu.my.

Bantulah sesiapa pun dalam kesusahan

MOHD SHAHRIZAL NASIR

SETIAP orang pasti akan berdepan dengan kesusahan. Orang yang berduit tidak semestinya tidak akan menemui saat kesusahan. Kehidupan di dunia sarat dengan kesusahan bagi menguji hamba yang benar-benar beriman kepada-Nya. Orang yang kaya ada kalanya diuji dengan kesusahan melibatkan wang ringgit. Mereka mempunyai wang, namun wang tersebut tidak dapat membantu mereka tatkala ditimpah musibah.

Lihatlah contoh mudah dalam keadaan beberapa tempat di pantai timur sedang dilanda banjir tanpa diduga. Meskipun ada dalam kalangan mangsa banjir yang mempunyai wang, namun disebabkan mereka tersekut tidak dapat bergerak ke mana-mana, mereka juga memerlukan bantuan termasuk melibatkan wang. Mereka pasti bersyukur sekiranya ada pihak yang dapat menyumbang makanan dan keperluan asas kerana mereka sedang dalam keadaan memerlukan.

Inilah antara perkara yang perlu menjadi

iktibar buat semua. Duit bukanlah segalanya dalam kehidupan meskipun ia satu keperluan. Ketika manusia ditakdirkan menerima ujian daripada Allah SWT, mereka tidak akan dapat keluar daripada kesulitan dan mengharapkan pertolongan orang lain.

Orang kaya juga boleh dijangkiti wabak COVID-19. Mereka mungkin mempunyai wang yang banyak, namun tatkala diuji dengan kesakitan, mereka juga layak dihulurkan bantuan untuk meneruskan kehidupan. Jika ada bantuan yang boleh dihulurkan bagi meringankan beban orang yang sedang dijangkiti COVID-19, bantulah mereka kerana kesukaran hidup bukan sekadar melibatkan wang ringgit.

Allah SWT berfirman yang maksudnya: "Dialah (Allah) yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang bertaubat)." (Surah al-Mulk, ayat 2)

Justeru, tidak wajar sekiranya ada yang

beranggapan orang yang kaya tidak perlu diberi pertolongan. Sedangkan pertolongan itu boleh datang dalam pelbagai cara. Sebenarnya orang yang sedang berdepan kesulitan memerlukan sokongan termasuk rasa kebersamaan ketika diuji dengan kesusahan.

Orang yang rumahnya ranap musnah dijilat api, mungkin dapat membina semula rumahnya dengan wang yang mereka miliki, namun bantuan yang diterima daripada saudara, rakan dan jiran tetangga boleh menerbitkan semangat positif untuk bangkit meneruskan kehidupan.

Justeru, marilah sama-sama kita menghulurkan bantuan kepada sesiapa sahaja yang berada dalam kesusahan. Pada masa sama, usah lupa untuk mendoakan agar urusan setiap saudara seagama kita sentiasa berjalan dengan lancar dan diberkati oleh-Nya. Doa yang akan dimustajabkan oleh Allah SWT antaranya apabila seorang hamba mendoakan saudaranya dalam keadaan saudaranya itu tidak mengetahuinya. Sabda Rasulullah SAW bermaksud: "Doa

seorang Muslim untuk saudaranya tanpa pengetahuan saudaranya itu mustajab. Di sisi orang (yang berdoa) itu ada malaikat yang mencatatnya. Setiap kali orang itu mendoakan kebaikan bagi saudaranya, maka malaikat mengucapkan: 'Semoga Allah memakbulkan dan untukmu juga seperti itu.'" (Hadis riwayat Muslim)

Pertolongan Allah SWT akan sentiasa hadir bagi orang yang berusaha menghulurkan bantuan kepada saudaranya yang berada dalam kesusahan. Sabda Rasulullah SAW bermaksud: "Sesiapa yang melepaskan satu kesusahan seorang Mukmin, pasti Allah akan melepaskan daripadanya satu kesusahan pada hari kiamat. Sesiapa yang menjadikan urusan orang lain mudah, pasti Allah akan memudahkan urusannya di dunia dan di akhirat." (Hadis riwayat Muslim)

Penulis Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Bazar Kreatif

USAHAWAN ANAK MUDA KOTA

Berjaya Times Square, Tingkat 4, (Lot 04-87)

10.00 Pagi - 10.00 Malam (Buka setiap hari)



**BUY 1
FREE 1 VOUCHER**
Setiap pembelian
RM50 ke atas

Pelbagai
AKTIVITI MENARIK
MENANTI ANDA

- >> Busking
- >> Karoeke
- >> Squid Game

**JOM KUNJUNGI
KAMI!**



Konsep Flea Market

Produk makanan, minuman,
jahitan, pakaian, kraf tangan
dan lain-lain



RUANG MAKANAN

Pelbagai jenis makanan
menanti anda



RUANG PAKAIAN

Pelbagai pakaian yang
anda boleh dapat



RUANG KECANTIKAN

Dapatkan Jamu dari
Booth berdekatan



TIKET PERCUMA

Setiap pembelian
RM50 ke atas



PELBAGAI BARANG

Anda boleh dapat
Kraf tangan, Lukisan & Barang antik

**Jumpa
KAMI DI**



Berjaya Times Square
Tingkat 4, (Lot 04-87)

**BUKA SETIAP HARI
10.00 PAGI - 10.00 MALAM**

**#KELUARGA
MALAYSIA**



PPj rai pemenang pertandingan sempena SHWP

AINI MAWAWI

Foto: FARIS AZMI PPJ

PERBADANAN Putrajaya (PPj) meraikan pemenang pertandingan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) di Dewan Seri Siantan, Kompleks PPj baru-baru ini.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat, **TPr Norzita Abdul Razak**, empat buah pertandingan yang melibatkan komuniti dan warga Putrajaya tersebut mendapat penyertaan yang luar biasa daripada segenap lapisan umur.

"Penganjuran pertandingan ini diharapkan dapat memupuk dan menyemai semangat cintakan Wilayah Persekutuan dalam kalangan komuniti dan warga Putrajaya.

"Antara pertandingan yang dianjurkan baru-baru ini ialah Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Kategori A - Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya, Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Kategori B - Persatuan Penduduk, Pertandingan Video TikTok bertemakan 'Putrajaya Our City Our Home' dan Pertandingan Melukis Doodle@ Wilayah 2022," ujar beliau.

Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan berjaya

menarik enam sub zon MPPWP yang melibatkan 12 kawasan bagi pertandingan Kategori A dan 21 Persatuan Penduduk Putrajaya bagi pertandingan Kategori B.

"Juara pertandingan bagi Kategori A membawa pulang wang tunai bernilai RM3,000, manakala naib juara pula RM2,500 diikuti tempat ketiga sebanyak RM2,000 selain tempat keempat, kelima dan keenam membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000 dan RM800 serta saguhati, RM500.

"Juara pertandingan bagi Kategori B pula menerima wang tunai bernilai RM1,300, naib juara RM1,000, tempat ketiga RM800, tempat keempat, RM600, tempat kelima dan keenam RM500 dan RM400 selain 15 pemenang saguhati membawa pulang wang tunai sebanyak RM300," ujar Norzita.

Manakala bagi kategori terbuka (19 tahun ke atas), juara membawa pulang wang tunai bernilai RM400, sementara naib juara RM300 dan tempat ketiga RM200.

Majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah bagi pertandingan Video TikTok bertemakan 'Putrajaya Our City Our Home' yang telah diadakan pada 15 Januari sehingga 15 Februari dengan jumlah penyertaan seramai 21 orang. Para pemenang bagi pertandingan ini membawa



PARA pemenang bergambar sejurus sesi penyampaian hadiah.

pulang sebuah telefon pintar dan pemenang saguhati membawa pulang jam tangan pintar.

Pada masa yang sama, turut disampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan Melukis Doodle@Wilayah 2022 yang

disertai seramai 34 orang kanak-kanak dan remaja berumur tujuh sehingga 17 tahun. Pertandingan yang bertemakan Kemakmuran dan Kesejahteraan Warga Wilayah Persekutuan menawarkan wang tunai keseluruhan sebanyak

RM1,200 kepada para pemenang.

Terdahulu, majlis penyampaian disempurnakan oleh Naib Presiden Kanan PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud diiringi Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan, Rosli Talib. **W.K**

PPj rangkul anugerah ASEAN Clean Tourist City 2022-2024

SABRINA SABRE

PERBADANAN Putrajaya (PPj) muncul sebagai salah satu penerima anugerah ASEAN Tourism Standard Awards peringkat kebangsaan 2022-2024 daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) di DoubleTree by Hilton Hotel, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dalam majlis tersebut, seramai 29 penggiat industri pelancongan menerima pengiktirafan tersebut kerana berjaya memenuhi standard ASEAN dan layak menerima pengiktirafan daripada kerajaan.

Menurut Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, **Datuk Seri Nancy Shukri**, anugerah itu sebagai usaha untuk memberi pengiktirafan kepada penggiat industri pelancongan.

"Piawaian Pelancongan ASEAN yang selaras dengan Pelan Pelancongan Strategik ASEAN 2016-2025 merupakan standard bagi semua negara anggota ASEAN dan penggiat industri pelancongan serantau.

"Ia digunakan sebagai panduan dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan yang



NAIB Presiden Kanan PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud (dua kanan) menerima anugerah daripada MOTAC baru-baru ini.

berkualiti tinggi dan cemerlang kepada pelancong dengan matlamat menjadikan ASEAN sebagai destinasi yang cemerlang pada skala global," kata beliau.

Sementara itu, Nancy memaklumkan seramai 14 penerima Malaysia terpilih menerima anugerah di peringkat ASEAN menerusi empat kategori di Majlis Penganugerahan Standard Pelancongan ASEAN 2022-2024 yang berlangsung di Preah Sihanoukville, Kemboja, pada 19 Januari.

"MOTAC mengambil inisiatif

menganjurkan majlis ini di peringkat kebangsaan sebagai usaha mengiktiraf penggiat industri pelancongan yang telah memenuhi syarat standard minimum ASEAN," jelasnya.

Selain anugerah ASEAN Clean Tourist City Standard, MOTAC turut menyampaikan anugerah ASEAN Green Hotel Standard, ASEAN Sustainable Tourism Standard dan ASEAN MICE Venue Standard kepada penerima sebagai pengiktirafan dan penghormatan kepada perniagaan serta destinasi pelancongan ASEAN. **W.K**



Tarikh & Tempat

- 26 - 27 Mac 2022 (Sabtu & Ahad)
- 9.30 Pagi - 4.30 Petang
- Ruang Legar, Tingkat 1, Kompleks Kejiranan Presint 11

Yuran Penyertaan

RM 50.00



Sila Imbas QR Code Untuk Pendaftaran

Atau, Sila Layar:

<http://tiny.cc/bengkeldoodleppk>

Fokus beri persembahan terbaik Liga Hoki Malaysia 2022

Syaqirah idam kedudukan top 4

AINI MAWAWI

ATLET hoki Wilayah Persekutuan, Nur Syaqirah Kassim, 23, yang mewakili National Development Team pada saingan Liga Hoki Malaysia 2022 berharap pasukannya tersebut dalam kedudukan empat teratas pada aksi final yang berlangsung Ahad ini.



SYAQIRAH ketika beraksi dalam satu kejohanan baru-baru ini. - Gambar Arenal Hoki KL

Dia yang bermain di posisi pertahanan berkata, saingan agak sengit memandangkan kebanyakannya daripada pasukan merupakan pemain hoki yang sudah berpengalaman dalam arena tersebut.

"Jujurnya kami agak gentar dengan pasukan Negeri Sembilan kerana semua mereka merupakan pemain kebangsaan yang sudah semestinya hebat-hebat belaka," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Pun begitu, dia dan pasukannya tekad untuk menampilkan persembahan yang konsisten dari semasa ke semasa selain memastikan persediaan mental yang tinggi sebelum memulakan saingan.

"Saya yakin pasukan mampu untuk bagi yang terbaik kerana kami pun sudah layak ke pusingan akhir. Cuma kami tidaklah meletakkan harapan di tempat yang terlalu tinggi," ujarnya.

Tambahnya lagi, dia bersyukur biarpun pasukannya baru sahaja dibentuk daripada 22 orang atlet seluruh Malaysia namun mereka semua dapat menyesuaikan diri dalam masa yang singkat sahaja.

"Baru sebulan lebih kami ber-



**ATLET
WILAYAH**

Pencapaian Nur Syaqirah

2021 - Piala Razak, Kuala Lumpur - Juara

2021 - Liga Hoki Malaysia, Kuala Lumpur - Penyertaan

2021 - Malaysian Indoor Hockey League, Perak - Penyertaan

sama untuk mewakili National Development Team namun keserasian itu berjaya diperolehi. Mungkin kerana kami semua tahu cara membawa diri dan fokus hanya untuk menang.

"Biarpun baru sahaja kenal tetapi keakraban itu seperti sudah bertahun mengenali antara satu sama lain. Dalam setiap permainan berpasukan, kalau tiada sefahaman memang susah untuk berjaya," ujarnya.

Selain itu, Syaqirah berkata, dia sebolehnya mahu memastikan bahawa impianya ke peringkat yang lebih tinggi tercapai sedikit masa lagi memandangkan keluarganya sentiasa mengharap dan tidak putus memberikan semangat.



SYAQIRAH (kiri) tekad pamer aksi hebat dalam saingan akhir Liga Hoki Malaysia 2022.

berharap dapat mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa suatu hari nanti.

"Hoki adalah sebahagian daripada hidup saya. Satu hari nanti saya mahu dikenali sebagai salah seorang pemain profesional bukan sahaja di dalam negara bahkan di luar negara," ujarnya lagi. **WK**

Ahli silat Seni Silat Burung Rajawali kekal bersemangat, sihat dan cergas

PERTUBUHAN Seni Silat Burung Rajawali yang diketuai Ahmad Sahrin Ahmad Shukor selaku guru utama merupakan kesinambungan daripada Pertubuhan Seni Silat Burung Rajawali Luk Anjang Sari yang diasaskan Allahyarham Ahmad Yun Idris atau lebih mesra dikenali sebagai Pak Mat pada tahun 1950 an.

Beliau merupakan guru utama ketika itu dan mempunyai 98 orang ahli yang berdaftar dan dalam masa yang sama ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1980-an di gelanggang utama yang terletak

di Sri Johor 4C Cheras.

Pada tahun 1990-an, Pertubuhan Seni Silat Rajawali Luk Anjang Sari telah berdaftar dengan PESAKA Kuala Lumpur sebagai badan gabungan seterusnya memperkenalkan pertubuhan ini kepada orang ramai.

Kini ia berkembang dan mempunyai cawangan serta gelanggang tetap di Semenyih dan Rawang dengan ahli seramai 165 orang selain turut berdaftar dengan PESAKA Kuala Lumpur sebagai badan gabungan.

Pertubuhan ini mempunyai

empat pembelajaran asas tangan kosong seperti randai, langkah menghadap guru, langkah pukulan dan tangan kosong, jurus berpasangan tangan kosong merangkum i kuncian, tumbulan dan tendangan serta jurusan bersenjata merangkumi keris, parang, badik, kerambit, tongkat, sabit

dan cindai (kain).

Ia menitikberatkan kekuatan zahir, rohani dan juga fizikal ba-

gi mengelakkan kehidupan yang positif, sihat, harmoni dan cergas. **WK**



ANAK muda tidak melepaskan peluang mempelajari Seni Silat Burung Rajawali.

**FLEA MARKET
STADIUM BOLA SEPAK
KUALA LUMPUR**

**SABTU & AHAD
7 PAGI - 3 PETANG**

**BERMULA 19HB MAC 2022

JOM DATANG BERAMAI-RAMAI

BERMINAT BERNIAGA?, DAFTAR SEKARANG!!!

JUALAN BARANGAN PRELOVED,
BARANGAN KOLEKSI, BARANGAN ANTIK,
BARANGAN VINTAJ, MAKANAN KERING,
DAN LAIN-LAIN

HUBUNGI ENCIK AIZAD (012-4231293)
KETUA PEMASARAN DAN ACARA
ARCADIN SERVICES SDN BHD

Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur @kifootballstadium



Harga bufet ramadan jangan mahal saran Jalaluddin

HAZIRAH HALIM

INDUSTRI Perhotelan disarankan mengkaji semula harga-harga promosi bufet ramadan sesuai dengan keadaan ekonomi semasa dan penerimaan masyarakat.

T i m b a l a n
Menteri Wilayah Persekutuan,
Datuk Seri Jalaluddin Alias
berkata ia wajar dilaksanakan oleh pengusaha hotel untuk menarik kedatangan lebih ramai pelancong dalam dan luar negara ke Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.



JALALUDDIN

tel di Kementerian Wilayah Persekutuan pada selasa bagi membincangkan isu berkaitan industri perhotelan dan mekanisme untuk merancakkan semula sektor ini.

Menurutnya, dalam perbincangan tersebut, pihak pengusaha hotel telah ber-setuju untuk mengkaji semula harga bufet ramadan mengikut kadar yang ditetapkan supaya ia lebih sesuai dan boleh diterima masyarakat.

"Selain itu, pihak hotel juga boleh mengemukakan tanda promosi atau diskon tempahan awal bufet ramadan bagi menarik lebih ramai pelanggan untuk menikmati juadah berbuka puasa.

"Mengenai isu penetapan harga pula, KWP tidak boleh menetapkan harga-harga tertentu kepada hotel sebaliknya menyarankan mereka untuk tidak meletakkan jumlah melangkaui jangkaan," jelasnya.



PENETAPAN harga bufet ramadan di hotel-hotel sekitar Wilayah Persekutuan disarankan berpatutan mengikut taraf hotel.

Jalaluddin turut menyayarkan kepada industri perhotelan termasuk semua pengusaha hotel untuk tidak meletakkan harga terlalu mahal sehingga pernah mencencah RM260 seperti sebelum pandemik COVID-19 berlaku.

"Ia boleh dikawal semula dan saya cadangkan hotel yang bertaraf empat ke enam bintang untuk meletakkan harga sekitar

bawah RM200 manakala tiga bintang ke bawah kurang daripada RM100," jelasnya.

Terdahulu, antara perkara berbangkit yang dibincangkan ialah isu kekurangan kakitangan semenjak pelaksanaan PKP, kos bahan mentah yang tinggi, prosedur operasi standard (SOP)

yang belum jela, cas tarif elektrik tinggi serta permohonan dan pembaharuan sijil halal. **WK**

Batik moden di Bazar Kreatif UAMK BTS

INDUSTRI kraf batik merupakan satu seni yang unggul di Malaysia sejak zaman nenek moyang kita. Pakaian tradisional ini menjadi busana tarikan yang kian dimartabatkan serta dirancakkan kembali ke arah rekaan lebih moden.

T a m b a h a n pula, ia telah menjadi kod pakaian seragam kepada pegawai perkhidmatan awam persekutuan di jabatan-jabatan kerajaan pada setiap hari Kamis terutama ketika menghadiri majlis rasmi dalam dan luar negara.

Pengusaha Batik Aisyah Collection, **Salibam** atau lebih gemar disapa Kak Seha mengatakan permintaan tempahan pakaian batik yang diterima kebiasaannya mengikut musim terutama sambutan perayaan, perkahwinan atau majlis-majlis rasmi.

"Kebanyakan pelanggan yang menempah baju batik sekawtu mempunyai majlis lebih-lebih lagi apabila perayaan Hari Raya Aidilfitri.



KAK SEHA

Rata-rata pengunjung gemar menggunakan corak batik lebih moden dan sesuai dengan trend masa kini," katanya kepada *Wilayahku*.

Menurut Salibam, aspek utama yang dititikberatkan dalam setiap rekaannya adalah dari segi kualiti dan keseleraan.

"Kualiti dan keseleraan pelanggan adalah keutamaan kami kerana pertama sekali apabila pelanggan datang ke kedai kami, mereka akan meneliti jahitan dan kualiti kain baju tersebut.

"Harga yang ditawarkan juga setanding dengan kualiti jahitan iaitu RM99 dan kami juga akan memberikan diskon kepada pelanggan yang membeli dua helai baju," katanya.

Bagi pengunjung yang mahu mendapatkan baju kemeja dan blouse batik Kak Seha, boleh mengunjungi boothnya di tingkat 4, Bazar Kreatif Usahawan Anak Muda Kota (UAMK), Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. **WK**

Amaris bersama Dapur Pasak bina rumah asnaf di Kuala Lumpur

DEEL ANJER

PELAKON dan usahawan Putra Amaris bersama Pertubuhan Kebajikan Dapur Pasak Kuala Lumpur (Dapur Pasak) mendapat pujian ramai apabila bakal membina rumah asnaf di Kuala Lumpur.

Usaha ini adalah bersempena bulan Ramadan akan datang menerusi Program Infaq Ramadan #Samasamakenyang.

Menurut Amaris atau nama sebenarnya Muhammad Amran Ismail, 36, dia bersama pasukannya akan menyediakan Rumah Baru Asnaf yang dibangunkan dari sebidang tanah yang telah dikenal pasti.

Asnaf yang dipilih ini mempunyai rumah daif di atas tanah sendiri dan akan ditempatkan sementara di Hotel Eastin Kuala Lumpur sepanjang Ramadan.

"Jujurnya saya sudah lama pasang niat bersama tim untuk bina rumah baru buat golongan asnaf, penuhkan isi dalam peti ais mereka dan sebagainya, meski saya sedar ia perlukan kos yang tinggi.

"Alhamdulillah dengan izinNya untuk tahun ini, saya bersama Bro Ku tercetus idea juga untuk bina sebijik rumah pula buat golongan sasaran.

"Sebelum ini memang ada hasrat yang sama, cuma belum mampu lagi. Jadi dengan kemudahan yang ada sekarang, kami gabungkan untuk realisasikan pembinaan tersebut," katanya kepada *Wilayahku*.

Amaris ditemui pada majlis Pelancaran #Samasamakenyang Infaq Ramadan di Hotel Eastin Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Amaris juga mengalau-alukan pihak lain untuk bekerjasama dengannya bagi merealisasikan



AMARIS akan memenuhi peti ais 2,000 golongan asnaf di Kuala Lumpur.

matlamat itu.

"Setakat ini, kos untuk menyiapkan sebuah kediaman mencecah RM100,000 hingga RM150,000. Kalau ada rezeki lebih, maka lebih banyak rumah

bukan mudah untuk siapkan sebiji rumah kurang dari 30 hari.

"Kalau ada juga kontraktor di luar sana yang mahu berkongsi rezeki buat pahala atau mahu tawarkan harga istimewa untuk projek ini, kami sangat alu-alukan," jelasnya.

Bukan itu sahaja, istimewa buat 2,000 golongan asnaf di Kuala Lumpur, Amaris dan pasukannya akan mengerakkan projek Penuhkan Peti Ais selain beberapa aktiviti kebajikan lain.

"Menerusi inisiatif ini, saya dan tim akan pergi terus ke rumah-rumah asnaf dan kami akan menyusun serta memenuhi peti ais mereka dengan barang basah, pek makanan segera dan sebagainya.

"Selain itu, barang keperluan asas juga kami akan beri sekali seperti beras, telur dan sebagainya," tambahnya lagi. **WK**